



D.R. 22 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESELAMATAN**

**PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN 3.0)**

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Glosari	iii
<b><u>BAHAGIAN I</u></b> <b><i>Pengenalan</i></b>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<b><u>BAHAGIAN II</u></b> <b><i>Latar Belakang PLKN 3.0</i></b>	
• Latar Belakang Latihan Khidmat Negara (PLKN 3.0) 2023	4
<b><u>BAHAGIAN III</u></b> <b><i>Pembentangan oleh MINDEF</i></b>	
• Pembentangan oleh Ministry of Defense (MINDEF)	6
<b><u>BAHAGIAN IV</u></b> <b><i>Isu-isu semasa prosiding Jawatankuasa</i></b>	
• Isu-isu semasa prosiding Jawatankuasa	10
<b><u>BAHAGIAN V</u></b> <b><i>Pemerhatian dan Penelitian</i></b>	
• Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	14
<b><u>BAHAGIAN VI</u></b> <b><i>Rumusan dan Syor Jawatankuasa</i></b>	
• Rumusan dan Syor Jawatankuasa	21
<b><u>BAHAGIAN VII</u></b> <b><i>Penghargaan</i></b>	
• Penghargaan	22

## **LAMPIRAN**

**Lampiran A :** Pembentangan Pelaksanaan Semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 3.0).

**Lampiran B :** Liputan Gambar Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Bilangan 6 Tahun 2023.

## GLOSARI

AKN	Angkatan Khidmat Negara
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BTN	Biro Tatanegara
DKN	Dasar Keselamatan Negara
i-LEAD	Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan
IYRES	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
JKPK	Jawatankuasa Pilihan Khas
JKPK DR	Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat
JLKN	Jabatan Latihan Khidmat Negara
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKD	Kementerian Komunikasi Digital
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPN	Kementerian Perpaduan Negara
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MiDAS	Malaysian Institute of Defence and Security
MINDEF	Kementerian Pertahanan
MKN	Majlis Keselamatan Negara
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
PALAPES	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
RUU	Rang Undang-Undang
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya

UM	Universiti Malaya
UUM	Universiti Utara Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis

## **BAHAGIAN I**

### **PENGENALAN**

#### **Jawatankuasa dan Terma Rujukan**

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
  - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa”) berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
  - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
    - i. Meneliti Rang Undang-Undang (RUU) yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan keselamatan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensi di bawahnya;
    - ii. Meneliti usul, RUU persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan keselamatan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensi di bawahnya;
    - iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan keselamatan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, dan Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensi di bawahnya; atau
    - iv. Melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatannya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Datuk Jonathan bin Yasin  
(Ahli Parlimen Ranau merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Datuk Seri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali  
(Ahli Parlimen Pekan)
- iii. Yang Berhormat Tuan Pang Hok Liong  
(Ahli Parlimen Labis)
- iv. Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng  
(Ahli Parlimen Kepong)
- v. Yang Berhormat Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh  
(Ahli Parlimen Ledang)
- vi. Yang Berhormat Dato' Khilir bin Mohd Nor  
(Ahli Parlimen Ketereh)
- vii. Yang Berhormat Dato Anyi Ngau  
(Ahli Parlimen Baram)

- viii. Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan  
(Ahli Parlimen Kota Bharu)
- ix. Yang Berhormat Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz  
(Ahli Parlimen Tanah Merah)

### **Pendekatan Tugas Kerja**

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan telah melantik ex-officio daripada Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan 2 mesyuarat bagi membincangkan berkenaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 3.0) yang berikut:
  - (a) Mesyuarat pertama pada hari Rabu, 1 November 2023 dengan memanggil Kementerian Pertahanan untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa berkenaan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara 3.0.
  - (b) Mesyuarat kedua pada hari Selasa, 28 November 2023 bagi membincangkan dan memuktamadkan draf penyata jawatankuasa pilihan khas keselamatan mengenai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 3.0).

## **BAHAGIAN II**

### **LATAR BELAKANG PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA 3.0**

1. Dalam sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2023, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menyatakan hasrat kerajaan untuk melaksanakan semula PLKN melalui inisiatif PLKN 3.0 dan perbincangan lanjut akan dilakukan termasuk mencadangkan supaya program tersebut diteliti oleh Jawatankuasa ini.
2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2021 telah meluluskan supaya pelaksanaan PLKN dikaji semula. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan oleh MINDEF untuk mengkaji cara bagi mengembalikan semula PLKN dengan modul dan templat yang baharu.
3. PLKN 3.0 akan memberikan pulangan yang baik dalam bentuk modal insan bagi generasi muda dengan fokus akan diberikan kepada belia berumur di antara 16 hingga 35 tahun serta tempoh program akan dipendekkan dari tiga bulan kepada 45 hari.
4. Fasa latihan adalah terbahagi kepada dua iaitu Fasa 1 di peringkat sekolah melalui badan beruniform dan Fasa 2 peringkat lepasan sekolah. Fasa 2 akan memberikan lebih fokus kepada nilai ketenteraan yang mengandungi 90% nilai ketenteraan dan 10% nilai tatanegara serta patriotisme.
5. PLKN 3.0 akan diadakan di kem-kem latihan milik kerajaan seperti 13 Kem Wataniah, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dan kem latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
6. MINDEF akan membentangkan kertas kerja berkenaan pelaksanaan PLKN di Mesyuarat Jemaah Menteri. Sekiranya dipersetujui, MINDEF akan membentangkan di Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan.
7. MINDEF telah bersetuju untuk menggunakan jurulatih dalam perkhidmatan sedia ada tetapi akan mengambil kira juga untuk menambah bilangan jurulatih tersebut dalam kalangan veteran. Dalam pelaksanaan modul PLKN 3.0 ini, kerajaan dijangka dapat melakukan penjimatan kos dari lebih 500 juta setahun kepada 100 juta setahun. Di samping dapat menghasilkan golongan belia yang berkualiti, berdisiplin, cinta akan negara dan sentiasa bersedia melakukan tanggungjawab dalam masyarakat.
8. Pada hari Selasa, 31 Oktober 2023, sesi penggulungan perbincangan Belanjawan 2024 peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah memaklumkan PLKN baharu akan disasarkan kepada golongan belia antara 16 hingga 35 tahun, namun pelajar Tingkatan 5 akan dikecualikan. Pelajar Tingkatan 5 yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak akan dipilih untuk

menjalani latihan asas ketenteraan di bawah PLKN 3.0 bagi memberi peluang kepada mereka untuk memberikan tumpuan dan membuat persediaan bagi menghadapi peperiksaan SPM.

9. Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Bilangan 6 Tahun 2023 pada hari Rabu, 1 November 2023 telah diadakan bagi membincangkan dan meneliti cadangan pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara dan mendengar taklimat daripada pihak Kementerian Pertahanan seperti di **Lampiran A**. Jawatankuasa telah memanggil wakil-wakil daripada:
  - i. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
  - ii. Kementerian Dalam Negeri (KDN);
  - iii. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
  - iv. Kementerian Komunikasi Digital (KKD);
  - v. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
  - vi. Kementerian Pertahanan (MINDEF);
  - vii. Kementerian Perpaduan Negara (KPN);
  - viii. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW);
  - ix. Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
  - x. Majlis Keselamatan Negara (MKN); dan
  - xi. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
10. Liputan gambar Mesyuarat Bilangan 6 adalah seperti di **Lampiran B**.

## **BAHAGIAN III**

### **PEMBENTANGAN OLEH KEMENTERIAN PERTAHANAN (MINDEF)**

Ringkasan pembentangan oleh MINDEF berkenaan Pelaksanaan PLKN adalah seperti berikut:

#### **A. PENDAHULUAN**

1. Tujuan utama pembentangan adalah bagi mengangkat maklum kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Parlimen mengenai pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) berdasarkan konsep baharu.
2. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri Mengenai Pelaksanaan Semula PLKN bertarikh 6 Januari 2021 bagi pelaksanaan semula PLKN boleh dipertimbangkan dan akan diperhalusi pelaksanaannya oleh jawatankuasa kerja. Tujuan PLKN dilaksanakan semula adalah bagi menjadikan PLKN satu program unggul yang menghasilkan semangat cintakan negara, memupuk semangat perpaduan, dan menghasilkan semangat kesukarelawan dalam kalangan generasi muda.
3. Pelaksanaan PLKN 3.0 adalah berdasarkan kepada Akta serta dasar-dasar yang berkaitan seperti berikut :
  - i. Akta Latihan Khidmat Negara (Akta 628);
  - ii. Dasar Keselamatan Negara (DKN 2021-2025);
  - iii. Kertas Putih Pertahanan;
  - iv. Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
  - v. Dasar Perpaduan Negara;
  - vi. Dasar Komuniti Negara;
  - vii. Dasar Belia Negara;
  - viii. Wawasan Kemakmuran Negara; dan
  - ix. Kajian Indeks Belia Negara 2022 (IBM 22).
4. Objektif pelaksanaan PLKN 3.0 adalah seperti berikut:
  - i. meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda;
  - ii. memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional;
  - iii. membentuk perwatakan positif nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda;
  - iv. menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan generasi

- muda; dan
- v. melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas dan berkeyakinan.
5. Objektif PLKN 3.0 juga adalah selari dengan objektif Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 (DKN) iaitu mengekal, melindungi dan mempertahankan nilai-nilai teras keselamatan negara dengan memelihara nilai teras tersebut secara menyeluruh dan bersepadu melalui pendekatan seluruh jentera kerajaan dan segenap lapisan masyarakat dalam memastikan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, aman dan sejahtera.
  6. Objektif PLKN 3.0 juga adalah selari dengan Akta Latihan Khidmat Negara (Akta 628) iaitu secara khususnya menyediakan remaja Malaysia untuk khidmat negara (Akta 425) dan amnya mewujudkan negara patriotik dan mempunyai semangat yang tidak luntur dan penuh dengan semangat kesukarelaan berpandukan prinsip Rukun Negara.
  7. Matlamat pelan pelaksanaan PLKN 3.0 adalah seperti berikut:
    - i. mengoptimumkan penggunaan kem-kem kerajaan dan Institut Latihan Awam di Malaysia;
    - ii. menawarkan latihan-latihan lanjutan kepada golongan belia/remaja;
    - iii. memastikan latihan asas selaras dengan Akta Khidmat Negara;
    - iv. memastikan kesinambungan kepada khidmat negara termasuk PLKN 1.0 dan PLKN 2.0.
    - v. mewujudkan peluang kerjaya kepada golongan belia/remaja; dan
    - vi. mewujudkan kerjasama pelbagai kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan.
  8. Program-program bagi Fasa Khidmat Negara adalah program yang sedia ada di agensi/kementerian seperti berikut:
    - i. Khidmat pertahanan iaitu melindungi kedaulatan, integriti dan kepentingan negara;
    - ii. Khidmat keselamatan awam iaitu membantu kerajaan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman awam;
    - iii. Khidmat masyarakat iaitu membantu kerajaan melaksanakan aktiviti bantuan masyarakat;
    - iv. Khidmat sivil iaitu membantu kerajaan mengekalkan penjagaan kesihatan, pembersihan awam dan sebagainya; dan
    - v. Khidmat kelestarian alam iaitu membantu kerajaan memantau dan mengekalkan alam sekitar (darat dan laut).

## **B. KAJIAN PELAKSANAAN SEMULA PLKN**

9. Kajian pelaksanaan semula PLKN telah dilakukan melalui beberapa tinjauan dan sesi libat urus. Tinjauan awam atas talian telah dilakukan dari bulan Jun hingga Julai 2021 melibatkan 3,092 orang responden yang berumur antara 16 hingga 60 tahun bagi mendapatkan maklum balas mengenai PLKN.
10. Dapatan maklum balas daripada tinjauan awam berhubung keperluan pelaksanaan semula PLKN adalah:
  - i. 89% daripada responden bersetuju latihan asas ketenteraan membentuk semangat patriotisme;
  - ii. 85% daripada responden faham akan keperluan dan tujuan Khidmat Negara;
  - iii. 87% daripada responden setuju akan keperluan latihan lanjutan; dan
  - iv. 71% daripada responden setuju Program Pra PLKN diperkenalkan.
11. Pihak MINDEF telah mendapatkan hasil kajian-kajian awal berkaitan PLKN termasuklah:
  - i. Kajian Indeks Belia Malaysia 2015-2022 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES);
  - ii. Penghayatan Semangat Patriotisme Belia Malaysia: Kajian ke atas PLKN oleh IYRES pada tahun 2013;
  - iii. Kajian Impak Nilai Patriotisme Bekas Pelatih Program Latihan Khidmat Negara Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia oleh Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) pada tahun 2013;
  - iv. Penilaian Program Latihan Khidmat Negara dari Perspektif Pelatih: Satu Kajian Kes oleh Universiti Malaya (UM) pada tahun 2007; dan
  - v. Penilaian Program Latihan Khidmat Negara dari Aspek Gagasan Kenegaraan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM).
12. Pihak MINDEF juga telah mengadakan sesi libat urus secara fizikal dan atas talian dengan 31 kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

## **C. ISU, CABARAN DAN KECENDERUNGAN BELIA MASA KINI**

13. Isu-isu dan cabaran serta kecenderungan belia masa kini yang boleh dibahagikan beberapa perkara iaitu nilai, politik, alam sekitar, sosial, teknologi, dan ekonomi.
14. Dari segi nilai, kurangnya toleransi dalam beragama dan luntarnya nilai perpaduan dan patriotisme dalam kalangan belia masa kini.

15. Manakala dari segi politik, kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati 30% daripada murid bersedia mengambil rasuah sekiranya mempunyai kuasa dan peluang.
16. Terdapat golongan belia kurang kesedaran mengenai alam sekitar, namun 98% belia berpendapat perubahan iklim ialah satu krisis.
17. Terdapat peningkatan jumlah belia berumur 15 hingga 39 tahun iaitu seramai 14.6 juta bersamaan 45% jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.
18. Data yang dikeluarkan oleh International Data Centre, tenaga kerja Malaysia masih belum bersedia untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 dan jurang *Information and Communication Technology* (ICT) juga semakin meluas.
19. Cabaran dari segi ekonomi adalah golongan belia kurang kemahiran mencari kerja dan mempunyai pengetahuan yang lemah tentang pasaran kerja akan menyebabkan mereka sukar mendapatkan pekerjaan. Keadaan ini membawa kepada peningkatan dalam kadar pengangguran yang tinggi.

#### **D. CADANGAN MENINGKATKAN JUMLAH PELATIH DAN PENGIKTIRAFAN**

20. Terdapat beberapa cadangan bagi meningkatkan jumlah pelatih PLKN 3.0 iaitu:
  - i. mengiktiraf program latihan yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan seperti Askar Wataniah dan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang disertai oleh pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
  - ii. mengiktiraf dan menambahbaik beberapa latihan kokurikulum di IPT yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan seperti KESATRIA di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Pasukan Institut Pertahanan Awam Malaysia di Politeknik, Kor Sukarelawan Polis di IPT seperti di UUM dan UiTM; dan
  - iii. mengiktiraf program-program lain yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan dan ditetapkan oleh badan pelaksana PLKN 3.0.
21. Terdapat beberapa bentuk pengiktirafan terhadap pelatih PLKN 3.0, iaitu:
  - i. status bekas pelatih atau peserta diangkat sebagai anggota Angkatan Khidmat Negara (AKN);
  - ii. pengiktirafan ini memenuhi keperluan sektor pekerjaan awam yang terdiri daripada anggota tetap dan anggota simpanan; dan
  - iii. statistik keanggotaan pasukan simpanan akan bertambah, sekali gus meningkatkan status negara berbanding negara lain dalam konteks jumlah penyertaan khidmat negara.

## **BAHAGIAN IV**

### **ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA**

Setelah mendengar pembentangan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF), Ahli-ahli JKKP membangkitkan isu-isu berikut:

#### **A. KONSEP PELAKSANAAN PLKN 3.0**

1. Terdapat pandangan berkaitan konsep sukarela yang digariskan oleh PLKN 3.0 dan *buy-in* daripada ibu bapa dan signifikan kerahan tenaga ataupun ianya lebih kepada minat untuk menyertai PLKN.
2. Terdapat pandangan berkaitan modul latihan yang bakal diperkenalkan, iaitu pengkhususan mengikut minat ataupun keupayaan tertentu pelajar seperti data analisis, fizikal mengikut *expertise* remaja atau belia tersebut.
3. Terdapat pandangan berkaitan kaedah dan kriteria pemilihan pelatih-pelatih kerana PLKN 3.0 adalah kerahan pilihan.
4. Terdapat pandangan bagaimana pelaksanaan kerajaan melalui kaedah dan kriteria yang digariskan oleh PLKN 3.0.
5. Terdapat pandangan berkaitan dengan had umur menjalani latihan iaitu mereka yang berumur 16 hingga 35 tahun yang digariskan hanya terpakai sehingga 35 tahun sahaja atau tiada had umur yang membolehkan mereka terus dianggap sebagai Anggota Khidmat Negara dan panggilan bagi membantu dalam tempoh-tempoh lanjutan.
6. Terdapat pandangan berkaitan bagaimana pemilihan akan dilakukan, siapakah yang memilih sama ada melalui majlis atau jawatankuasa tertentu yang dibuat oleh kerajaan.
7. Terdapat pandangan berkaitan garis masa pelaksanaan PLKN 3.0 serta tahun paling awal program tersebut akan dilaksanakan.
8. Terdapat pandangan berkaitan persediaan-persediaan atau pendekatan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini supaya adanya proses semak dan imbang yang boleh dilakukan untuk program ini.

## **B. KAJIAN PELAKSANAAN PLKN 1.0 DAN 2.0**

9. Terdapat pandangan berkaitan siaran media yang melaporkan seramai 61 pengusaha bankrap dan sebahagian yang lain sedang menghadapi tindakan mahkamah kerana tidak mampu untuk membayar hutang bank selepas melabur di dalam program-program berkaitan PLKN seperti kem dan perkakasan.
10. Terdapat pandangan berkaitan jumlah kumpulan sasaran dalam setahun dan jumlah peserta yang akan terlibat atau pengambilan. Pandangan juga diutarakan terhadap peratusan wanita dan juga lelaki yang bakal menyertai PLKN 3.0. Pandangan juga melibatkan penolakan oleh pelajar sekiranya terpilih atas alasan belajar di luar negara atau bekerja di luar negara.
11. Terdapat pandangan berkaitan kesan bagi mereka yang telah menyertai program PLKN 1.0 dan 2.0 melalui maklum balas mereka serta pencapaian sasaran dan tujuan PLKN melalui semangat cintakan negara dan semangat perpaduan.
12. Terdapat pandangan bahawa kajian-kajian berkaitan pelaksanaan PLKN 1.0 dan PLKN 2.0 juga amat diperlukan bagi mendapatkan hasil yang terbaik dan memastikan kejayaan pelaksanaan PLKN 3.0.

## **C. JUMLAH PENGAMBILAN PELATIH, JURULATIH DAN PERJAWATAN PLKN 3.0**

13. Terdapat pandangan berkaitan jumlah pengambilan pelatih PLKN 3.0 akan berkurangan berbanding dengan jumlah pengambilan PLKN 1.0 dan PLKN 2.0.
14. Terdapat pandangan berkaitan supaya kerajaan dan MINDEF mengiktiraf program-program setara PLKN yang dilaksanakan di peringkat universiti seperti PALAPES, KESATRIA, SUKSIS dan lain-lain.
15. Terdapat pandangan berkaitan jumlah pelatih melalui kombinasi kem seperti kem askar Wataniah serta PALAPES yang akan mampu meningkatkan jumlah pelatih PLKN 3.0.
16. Terdapat pandangan berkaitan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memberikan maklumat secara berterusan tentang jumlah pelajar-pelajar Tingkatan 4 seluruh negara.
17. Terdapat pandangan berkaitan dengan penambahan pelatih sepatutnya diambil kira dari peringkat universiti atau setara bagi meningkatkan jumlah pelatih dan penglibatan lebih ramai generasi muda.

18. Terdapat pandangan supaya golongan veteran dipertimbangkan untuk diberi keutamaan dalam pemilihan jurulatih PLKN 3.0 bagi memberikan peluang pekerjaan kedua untuk mereka.
19. Terdapat pandangan berkaitan perancangan oleh MINDEF untuk mengambil jurulatih daripada kalangan veteran, bekas-bekas polis dan juga askar wataniah melalui perbincangan secara berterusan.
20. Terdapat pandangan berkaitan perjawatan bagi Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) akan diisi oleh dua bentuk perjawatan iaitu perjawatan awam dan perjawatan tentera tertakluk kepada keputusan kerajaan.
21. Terdapat pandangan berkaitan perjawatan bagi JLKN perlu dibuat secara teliti dan pengambilan perlu mengguna pakai dari perjawatan sedia ada bagi mengurangkan kos-kos perbelanjaan dan pengurusan PLKN 3.0.

#### **D. PERKARA-PERKARA LAIN YANG DICADANGKAN**

22. Terdapat pandangan berkaitan modul PLKN 3.0 perlu diperkemas bagi membentuk *reserve unit* negara yang berkemampuan untuk membantu negara seandainya keadaan keselamatan negara terancam. Modul yang baru juga perlu diteliti supaya tidak mengulangi kesilapan yang dilakukan pada pelaksanaan PLKN 1.0 dan 2.0. Impak yang diperolehi perlulah sesuai dengan modul 45 hari PLKN berpandukan pengalaman-pengalaman negara lain.
23. Terdapat pandangan berkaitan penelitian yang perlu dilakukan sebaik mungkin terhadap penempatan pelatih lelaki dan pelatih perempuan di dalam satu kem supaya tidak timbul isu-isu sosial dan isu-isu berbangkit.
24. Terdapat pandangan berkaitan keperluan MINDEF melalui kerajaan memperbaiki kemudahan-kemudahan asas terutamanya di kem-kem yang bakal digunakan sebagai *venue* PLKN termasuk juga penguatkuasaan keselamatan yang lebih ketat. Berdasarkan PLKN 1.0, banyak penerimaan aduan berkenaan kemudahan asas yang tidak memuaskan seperti bilik mandi, tandas yang rata-ratanya datang dari pelatih perempuan.
25. Terdapat pandangan berkaitan keperluan MINDEF menjalankan sesi perbincangan serta mendapatkan *input* rentas kementerian terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Perpaduan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan lain-lain. Kajian-kajian juga boleh dijalankan dengan kerjasama Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan terutamanya dengan lawatan dan kajian melibatkan negara-negara lain (*comparative studies*) bagi melihat sendiri pelaksanaan bentuk khidmat negara di negara-negara lain.

26. Terdapat pandangan berkaitan penilaian semula kokurikulum terutamanya badan beruniform yang perlu melibatkan keseluruhan pelajar dan berterusan walaupun setelah tamat peringkat Tingkatan 5.
27. Terdapat pandangan berkaitan adalah lebih baik sekiranya kajian-kajian yang telah dinyatakan oleh MINDEF disertakan bersama dalam bentuk hitam putih supaya ianya menguatkan asas-asas pertimbangan Ahli Jawatankuasa untuk menyokong pelaksanaan PLKN 3.0. Tambahan lagi, perkara-perkara positif yang dibincangkan perlu dinyatakan bersama di dalam laporan terutamanya laporan akan dibentangkan di peringkat Parlimen.
28. Terdapat cadangan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menggunakan sekolah-sekolah berasrama penuh di bawah KPM terutamanya ketika musim cuti sekolah sebagai salah satu langkah penjimatan dan aktiviti yang dilakukan pula boleh melibatkan asas ketenteraan atau kursus-kursus asas yang bersesuaian dengan kemudahan sekolah.

## **BAHAGIAN V**

### **PEMERHATIAN DAN PENELITIAN**

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan seperti berikut:

#### **A. KONSEP PELAKSANAAN PLKN 3.0**

1. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkenaan kerahan terpilih iaitu remaja yang terpilih untuk latihan asas adalah wajib menjalani latihan. Manakala bagi fasa latihan khusus, penyertaan adalah secara terbuka dan sukarela. Pelatih yang tamat latihan asas atau anggota AKN yang layak diberi keutamaan menjalani latihan khusus yang ditawarkan oleh agensi terlibat. Fasa ini turut memberi peluang kepada remaja yang tidak terpilih untuk menjalani latihan asas ataupun Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menyertai latihan khusus.
2. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkaitan latihan khusus adalah program lanjutan bagi pelatih PLKN serta sukarelawan dalam bidang-bidang keselamatan awam, pertahanan negara, kelestarian alam sekitar, perkhidmatan sosial, kesihatan awam dan khidmat komuniti. Manakala latihan asas adalah merangkumi latihan asas ketenteraan dan kenegaraan.
3. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkenaan kaedah memilih iaitu kaedah pemilihan akan dilakukan seperti PLKN 1.0 di mana, nama-nama calon akan diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang lahir pada tahun tersebut, seterusnya akan dibuat semakan dengan KPM untuk mengetahui berapa peratus daripada mereka yang belajar dan senarai nama juga akan dihantar ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengenal pasti remaja yang tergolong dalam golongan OKU supaya dapat dikeluarkan nama mereka dari senarai tersebut.
4. Jawatankuasa mengambil maklum kriteria pemilihan pelatih adalah mengikut kaum yang diperolehi melalui data-data terkini bancian. Sebagai contoh, Bumiputera 60%, kaum Cina 28%, kaum India 10% dan lain-lain 2%. Pembahagian mengikut jantina pula adalah sebanyak 55% lelaki dan 45% perempuan mengikut populasi semasa pada ketika itu. Kemudiannya nama-nama mereka akan dimasukkan ke dalam sistem yang akan membuat pemilihan secara rawak berdasarkan kriteria yang ditetapkan akan mengeluarkan senarai akhir nama-nama calon yang terpilih. Hal ini akan mengelakkan daripada berlakunya pilih kasih dalam pemilihan calon-calon PLKN. Bagi mereka yang terpilih melalui sistem tersebut mereka akan diwajibkan untuk menyertai PLKN

3.0 di bawah Akta Latihan Khidmat Negara. Namun sekiranya terdapat kekosongan, pihak penganjur/penyelia PLKN akan menerima remaja yang ingin menyertai PLKN secara sukarela.

5. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkenaan had umur untuk menjalani latihan, remaja yang telah terpilih untuk latihan asas adalah bertanggungjawab untuk menjalani latihan sehingga mencapai 35 tahun selagi tidak mendapat penangguhan ataupun pengecualian di bawah Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Sekiranya remaja tidak terpilih untuk latihan asas, mereka masih boleh menyertai latihan khusus dan akan menjadi anggota Angkatan Khidmat Negara (AKN).
6. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berhubung pemilihan Majlis Latihan Khidmat Negara. Mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003, keanggotaan majlis adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, lima orang anggota yang mewakili Kerajaan, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak melebihi lima orang anggota terdiri daripada wakil kaum-kaum yang utama di Malaysia akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Menteri.
7. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF mengenai garis masa pelaksanaan PLKN 3.0 adalah untuk dilaksanakan secepat mungkin, namun oleh kerana prasarana yang perlu dinaiktaraf dan juga bajet yang perlu dibentangkan kepada Kementerian Kewangan maka pihak MINDEF berpandangan bahawasanya PLKN 3.0 akan dapat dilaksanakan paling awal adalah pada tahun 2025. Pelaksanaan PLKN melibatkan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan serta Kementerian terutamanya Kementerian Pendidikan berhubung pelaksanaan Pra PLKN untuk murid Tingkatan 4. MINDEF menjelaskan bahawa berdasarkan modul sebenarnya enam jam yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi dan pengenalan subjek berkaitan Tata Rakyat dan Sivik adalah amat penting namun memerlukan pandangan daripada KPM terutamanya melibatkan pengenalan subjek-subjek baru.
8. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkenaan persediaan menghadapi perkara-perkara yang tidak diingini iaitu pihak MINDEF mengambil iktibar daripada perkara-perkara yang telah terjadi semasa PLKN 1.0 dan 2.0. Sehubungan itu, MINDEF akan meneliti secara serius perkara-perkara ataupun kecuaihan-kecuaihan yang tidak sepatutnya berlaku di dalam kem, ini termasuklah aspek keselamatan peserta yang akan menjalani PLKN 3.0. MINDEF juga menilai kebarangkalian untuk memperbaiki kemudahan sedia ada bagi menjamin keselesaan pelatih terutamanya kaum wanita yang bakal memenuhi kuota 55% lelaki dan 45% perempuan.
9. **Jawatankuasa bersetuju dengan objektif dan konsep pelaksanaan PLKN 3.0 dengan keperluan terhadap beberapa penambahbaikan yang bersesuaian.**

## B. KAJIAN PELAKSANAAN PLKN 1.0 DAN 2.0

10. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkenaan isu pengusaha bankrap daripada pemansuhan PLKN. Pihak MINDEF memaklumkan bahawa kes-kes tersebut masih dibicarakan di mahkamah. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak akan melaksanakan PLKN di kem-kem swasta dan tidak melibatkan isu penyewaan. MINDEF akan membuat penambahbaikan serta naik taraf kem-kem Askar Wataniah untuk menempatkan pelatih PLKN.
11. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkenaan status penolakan dari menyertai PLKN, di mana sekiranya pelajar, belia/remaja yang menerima tawaran pengajian di luar negara, MINDEF akan menggunakan kaedah yang sama seperti PLKN 1.0 iaitu kaedah penangguhan. Dalam Akta latihan, penangguhan ini mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu yang telah digariskan. Pelatih masih perlu menjalani PLKN apabila telah tamat pengajian dan balik semula ke Malaysia kecuali mereka telah melalui latihan asas ketenteraan seperti PALAPES. Hal ini kerana, modul latihan seperti PALAPES adalah lebih lama iaitu sehingga 3 tahun.
12. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF mengenai maklum balas bekas pelatih PLKN 1.0 dan 2.0 iaitu MINDEF turut merujuk kepada hasil-hasil kajian lepas. Antara hasil kajian tersebut adalah berkenaan penghayatan semangat patriotisme belia Malaysia oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dapatan yang diperolehi adalah:
  - i. Sebelum PLKN, semangat cintakan negara adalah 73%, tetapi selepas menyertai PLKN semangat cintakan negara meningkat kepada 91%;
  - ii. Sebelum PLKN, semangat setia negara adalah pada kadar 69%, tetapi selepas menyertai PLKN semangat setia negara meningkat kepada 83%;
  - iii. Sebelum PLKN, perasaan bangga negara adalah pada kadar 70%, tetapi setelah menyertai PLKN perasaan bangga negara meningkat kepada 78%; dan
  - iv. Sebelum PLKN, semangat rela berkorban adalah pada kadar 79%, tetapi setelah menyertai PLKN semangat rela berkorban meningkat kepada 98%.
13. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF mengenai beberapa hasil kajian lain turut menunjukkan perubahan yang positif terhadap semangat patriotisme dalam kalangan golongan remaja dan belia. Ini termasuklah kajian oleh UNIMAP pada tahun 2013, Indeks Belia Negara oleh IYRES dan Penilaian Program Latihan Khidmat Negara dari perspektif pelatih oleh UM (Rujuk **Lampiran A**). Berdasarkan kepada kesimpulan hasil kajian-kajian tersebut, kajian impak pelaksanaan ini telah mempengaruhi aspek pemantapan jati diri yang cemerlang dan ianya dapat dipraktikkan dengan membina identiti atau

warganegara yang berguna pada masa hadapan termasuk kenegaraan, fizikal, pembangunan karakter, khidmat komuniti dan semarak semangat patriotisme.

14. **Jawatankuasa bersetuju untuk menggesa kerajaan mengambil tindakan yang segera bagi membantu memudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan supaya pelaksanaan PLKN 3.0 dapat dilaksanakan dalam garis masa yang telah dijadualkan.**

### **C. JUMLAH PENGAMBILAN PELATIH, JURULATIH DAN PERJAWATAN PLKN 3.0**

15. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF berkenaan jumlah atau bilangan peserta iaitu bilangan peserta adalah sedikit berkurang berbanding dengan PLKN 1.0 dan PLKN 2.0. Berdasarkan kajian awal Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS), jangkaan awal jumlah kemasukan pelatih adalah seramai 2,633 orang dan ini hanya untuk kem Askar Wataniah sahaja iaitu satu siri. Hal ini kerana kapasiti kem sedia ada hanya mampu memuatkan sejumlah 2,633 peserta. Namun ini belum termasuk kapasiti PULAPOL serta kem-kem Askar Wataniah yang akan dinaik taraf untuk menampung lebih ramai pelatih. Keadaan ini akan memberi kesan peningkatan terhadap jumlah pelatih pada satu-satu siri iaitu jangkaan jumlah pelatih adalah meningkat kepada sejumlah 5,900 orang dalam satu siri bagi pelaksanaan di peringkat awal.
16. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan MINDEF bahawa akan wujudnya kekurangan terhadap bilangan pelatih. Sehubungan itu, MINDEF mencadangkan supaya kerajaan mengiktiraf program latihan yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan seperti PALAPES dan KESATRIA sebagai sebahagian modul latihan PLKN. Hal ini kerana, mereka telah menerima latihan asas dan kemudian boleh menyertai latihan khusus. Mereka juga boleh menjadi sukarelawan di mana mereka akan memperolehi kursus-kursus dalam latihan khusus yang dijalankan di bawah PLKN 3.0.
17. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF bahawa tidak termasuk PALAPES, YB Menteri Pertahanan telah memohon atau menyatakan supaya pengambilan jumlah pelatih bagi pengambilan pertama berjumlah lebih kurang 10,000 pelatih setahun.
18. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengenai jumlah pelajar tingkatan 4 dalam satu kohort (setahun) adalah seramai 400,000 orang. Bermaksud jumlah pelajar yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga adalah 400,000 orang.
19. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MINDEF mengenai jumlah bakal pelatih PLKN yang berkurangan di mana MINDEF mencadangkan supaya penambahan pelatih diambil kira dari peringkat universiti iaitu dengan mengambil

kira PALAPES sebagai pelatih PLKN dengan pertambahan jumlah peserta dijangka meningkat kepada 17,000 hingga 20,000 orang setiap pengambilan. MINDEF juga menjelaskan cadangan pengambilan tiga kali setahun dengan satu pengambilan seramai 10,000 orang. Bermaksud dalam setahun akan ada minimum 30,000 orang pelatih yang akan menjalani PLKN. Perkara ini adalah masih di dalam peringkat perbincangan supaya selari dengan kapasiti dan fasiliti yang ada di kem-kem yang telah dikenalpasti.

20. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya YB Menteri Pertahanan mempertimbangkan golongan veteran atau pesara tentera yang berkelayakan untuk diberi keutamaan bagi menjadi jurulatih. Hal ini selari dengan bentuk latihan asas yang terdapat dalam modul asas ketenteraan. Keadaan ini juga akan dapat membantu mereka untuk memperolehi kerjaya kedua kerana rata-rata golongan veteran ini pencen dalam usia 38 tahun ke 40 tahun di mana mereka masih muda dan mempunyai kudrat yang sesuai berdasarkan pengalaman untuk menjadi jurulatih.
21. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan MINDEF iaitu mereka mempunyai perancangan untuk mengambil jurulatih-jurulatih dari kalangan veteran malah telah ada sebahagian yang telah menghubungi MiDAS termasuk Persatuan Jurulatih PLKN. Dalam merangka perjawatan bagi penubuhan JLKN, Kerajaan akan mempertimbangkan pelantikan veteran ATM yang berkelayakan sebagai jurulatih PLKN.
22. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya JLKN diketuai oleh tentera dan bukannya awam seperti PLKN 1.0 dan PLKN 2.0. Hal ini kerana, modul yang diperkenalkan juga adalah meliputi 90% latihan asas ketenteraan. Ketua Pengarah daripada kalangan tentera akan memudahkan pengoperasian latihan serta pemantauan di kem-kem Askar Wataniah.
23. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya perjawatan JLKN menggunakan perjawatan sedia ada supaya dapat menjimatkan kos pentadbiran. MINDEF dalam peringkat memuktamadkan keperluan perjawatan baru supaya pelaksanaan PLKN tidak membebankan pegawai yang telahpun mempunyai tugas hakiki.
24. **Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan supaya diwujudkan semula PLKN 3.0 secara sebulat suara termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil kementerian yang hadir.**

#### D. PERKARA-PERKARA LAIN YANG DICADANGKAN

25. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YB Pekan supaya dipertingkatkan kemudahan dan infrastruktur bagi memberikan keselesaan kepada pelatih terutamanya apabila melibatkan percampuran pelatih lelaki dan perempuan di satu kem yang sama. Faktor keharmonian merupakan faktor penting sekiranya pelatih lelaki dan perempuan diletakkan di dalam satu kem yang sama. Namun sekiranya kerajaan ingin mengasingkan lelaki dan perempuan, faktor kemudahan asas dan penginapan adalah amat penting dalam menjamin keselesaan dan keselamatan di samping *output* program terhadap pelatih. Ahli-ahli JKPK Keselamatan akan terus memberikan maklum balas yang positif bagi membantu agar proses pelaksanaan PLKN kali ini tidak mengalami nasib yang sama seperti PLKN 1.0 dan 2.0 dan tidak wujud pula PLKN 4.0 atau 5.0.
26. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan MINDEF terhadap cadangan berkenaan kedudukan dan status pelatih perempuan dan lelaki di dalam satu kem. MINDEF memberitahu terdapat tiga cadangan asal pelaksanaan PLKN 3.0 iaitu peringkat pertama dengan penyertaan golongan lelaki sahaja di mana di 14 kem termasuk PULAPOL melibatkan hanya golongan lelaki sahaja. Cadangan kedua adalah daripada 14 kem, 7 daripadanya adalah lelaki dan 7 yang lain adalah perempuan, dan cadangan yang ketiga adalah *combine camp* atau percampuran lelaki dan perempuan di setiap kem. Sehubungan itu, pihak MINDEF telah bersetuju supaya kemudahan dipertingkatkan dari sudut infrastruktur dan kemudahan di setiap kem tersebut.
27. Jawatankuasa mengambil maklum jawapan MINDEF terhadap kemudahan-kemudahan pelatih wanita melalui bantuan kerajaan yang sedang dalam proses mempersiapkan infrastruktur dan kemudahan sedia ada serta menambah baik kemudahan di setiap kem. Hal ini melibatkan kemudahan terhadap pelatih-pelatih wanita seperti tandas, bilik mandi yang lebih selesa yang tidak berkongsi dengan lelaki.
28. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan KPM berkenaan modul Pra PLKN iaitu KPM memberitahu modul Pra PLKN telah ada namun belum melalui perbincangan yang menyeluruh. KPM bercadang supaya bermula tahun depan (2024) satu program akan diperkenalkan kepada pelajar Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6 sehingga ke Matrikulasi iaitu Program Pembinaan Karakter. Kumpulan sasaran adalah golongan pelajar seperti yang dinyatakan dan wajib terlibat melalui program tiga hari dua malam dan KPM berhasrat untuk memasukkan modul Pra PLKN tersebut ke dalam program ini. Program tersebut akan dijadikan sebahagian daripada kokurikulum sekolah. Disamping itu, Program Pembinaan Karakter akan diwajibkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4.

29. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan dan pandangan KPM berkenaan kokurikulum iaitu melibatkan badan beruniform di KPM di mana terdapat 24 buah badan beruniform dan setiap pelajar wajib untuk menyertai salah satu daripada 24 badan beruniform tersebut sehingga ke Tingkatan 5. Namun perbincangan lanjut bersama MINDEF akan dilakukan dan akan dicadangkan supaya adanya kesinambungan badan beruniform dan tidak terhenti di peringkat Tingkatan 5 sahaja.
30. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya MINDEF menyediakan data-data dan hasil kajian berkaitan PLKN 3.0 sebanyak mungkin bagi memudahkan Ahli-Ahli Jawatankuasa membuat laporan di peringkat Parlimen. Jawatankuasa juga mengambil maklum supaya Ahli-Ahli Jawatankuasa memberikan sokongan ataupun ketetapan bagi kerja-kerja menaik taraf kem-kem supaya ianya dapat dilaksanakan dengan sempurna bagi mengurangkan risiko-risiko dari aspek keselamatan kepada bakal pelatih. MINDEF juga berpendapat bahawa mereka memerlukan pasukan simpanan di masa hadapan selari dengan Dasar Keselamatan Negara (DKN).
31. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya dapat digunakan sekolah-sekolah berasrama penuh sebagai tempat latihan, namun terdapat kekangan dari sudut kemudahan ketenteraan. Jawatankuasa juga mengambil maklum penjelasan MINDEF berdasarkan 16 kem yang dicadangkan sebagai pusat latihan PLKN 3.0, tiga daripadanya tidak dapat digunakan kerana terlalu uzur. MINDEF telah mencadangkan supaya 13 kem Wataniah digunakan sebagai pusat latihan dan kem-kem tersebut mengikut kapasitinya adalah mampu memuatkan bilangan pelatih di bawah 500 orang. Sehubungan itu, MINDEF memohon sokongan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan supaya kem-kem tersebut diberikan peruntukan untuk dinaiktaraf.
32. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) di bawah KBS bahawasanya i-LEAD berkemungkinan tinggi akan mengambil alih 10% bahagian modul PLKN yang tidak menggunakan ketenteraan. i-LEAD diwujudkan selepas program PLKN dan Biro Tatanegara (BTN) dimansuhkan. Program yang dilaksanakan i-LEAD termasuklah *Malaysian Future Leaders School* yang termasuk di bawahnya Program Sekolah Rukun Negara.
33. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan dan makluman PDRM berkenaan kem Askar Wataniah dan PULAPOL iaitu bagi kem PLKN yang sebelum ini sebenarnya KDN melalui Jabatan Penjara Malaysia telah menyewa sejumlah 17 kem PLKN untuk dijadikan Penjara Satelit dan juga Pusat Reintegrasi Penghuni.
34. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap kesemua syor yang telah dikemukakan.**

## **BAHAGIAN VI**

### **RUMUSAN DAN SYOR JAWATANKUASA**

Berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan dalam sesi pembentangan oleh MINDEF mengenai Pelaksanaan Semula PLKN 3.0, Jawatankuasa ini mengemukakan rumusan-rumusan seperti berikut:

1. Jawatankuasa mencadangkan supaya konsep dan objektif Pelaksanaan Semula PLKN 3.0 dipersetujui dengan memberikan tumpuan kepada beberapa penambahbaikan.
2. Jawatankuasa mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat membantu memudahkan proses penyediaan kemudahan PLKN 3.0.
3. Jawatankuasa mencadangkan supaya Ahli-Ahli Mesyuarat bersetuju dengan pelaksanaan PLKN 3.0.
4. Jawatankuasa mencadangkan supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap cadangan-cadangan Ahli-Ahli Mesyuarat.

Sehubungan itu, Jawatankuasa mengemukakan syor-syor seperti berikut:

5. Jawatankuasa bersetuju dengan objektif dan konsep pelaksanaan PLKN 3.0 dengan keperluan terhadap beberapa penambahbaikan yang bersesuaian.
6. Jawatankuasa bersetuju untuk menggesa kerajaan mengambil tindakan yang segera bagi membantu memudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan supaya pelaksanaan PLKN 3.0 dapat dilaksanakan dalam garis masa yang telah dijadualkan.
7. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan supaya diwujudkan semula PLKN 3.0 secara sebulat suara termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil kementerian yang hadir.
8. Jawatankuasa mengesyorkan supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap kesemua syor yang telah dikemukakan.

## **BAHAGIAN VII**

### **PENGHARGAAN**

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan dan juga kepada Kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:

- i. Parlimen Malaysia;
- ii. Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- iii. Kementerian Pertahanan (MINDEF);
- iv. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- v. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
- vi. Kementerian Komunikasi Digital (KKD);
- vii. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- viii. Kementerian Perpaduan Negara (KPN);
- ix. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW);
- x. Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
- xi. Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan
- xii. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

**LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESELAMATAN**

**MENGENAI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN 3.0)**

<b>NO</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>DRAF KERJA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>Lampiran A</b>	Pembentangan Pelaksanaan Semula Program Latihan Khidmat Negara oleh Kementerian Pertahanan	1
<b>2</b>	<b>Lampiran B</b>	Liputan Gambar Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Bilangan 6 Tahun 2023	17





## TUJUAN

Mengangkat maklum kepada JK Pilihan Khas Keselamatan  
Parlimen mengenai pelaksanaan semula Program Latihan  
Khidmat Negara (PLKN) berdasarkan konsep baharu





Program Latihan Khidmat Negara 3.0



## LATAR BELAKANG

### PUNCA KUASA


Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri Mengenai Pelaksanaan Semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Januari 2021, bahawa kelulusan dasar bagi penubuhan semula PLKN boleh dipertimbangkan dan akan diperhalusi pelaksanaannya oleh jawatankuasa kerja dengan mengambil kira pandangan-pandangan berkaitan.

### TUJUAN WUJUD SEMULA

- ✓ Jadikan PLKN satu program unggul
- ❖ Cinta Negara.
- ❖ Memupuk semangat perpaduan.
- ❖ Semangat kesukarelawanan



**PLKN 3.0**  
Pelatih akan jalani latihan di kem tentera selama 45 hari



**PLKN 3.0 : Kerajaan Bersetuju Untuk Meneruskan Semula Program Latihan Khidmat Negara**

**PLKN DIPERKENAL SEMULA, PERTINGKAT JATI DIRI ANAK MUDA**

3



## LATAR BELAKANG

### KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN PLKN

- ⊗ Kajian Indeks Belia Malaysia (IBM) 2015 – 2022 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
- ⊗ Penghayatan Semangat Patriotisme Belia Malaysia: Kajian ke atas PLKN oleh IYRES pada tahun 2013
- ⊗ Kajian Impak Nilai Patriotisme Bekas Pelatih Program Latihan Khidmat Negara Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia oleh Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) pada tahun 2013
- ⊗ Penilaian Program Latihan Khidmat Negara dari Perspektif Pelatih: Satu Kajian Kes oleh Universiti Malaya (UM) pada tahun 2007
- ⊗ Penilaian Program Latihan Khidmat Negara dari Aspek Gagasan Kenegaraan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM)




5



# LATAR BELAKANG

### TERMA RUJUKAN

- ⊗ Akta Latihan Khidmat Negara (Akta 628)
- ⊗ Dasar Keselamatan Negara (2021 – 2025)
- ⊗ Kertas Putih Pertahanan
- ⊗ Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam
- ⊗ Dasar Perpaduan Negara
- ⊗ Dasar Komuniti Negara
- ⊗ Dasar Belia Negara
- ⊗ Wawasan Kemakmuran Negara
- ⊗ Kajian Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM 22)



"Dasar Keselamatan Negara merupakan satu dasar payung atau teras mengenai keselamatan negara yang komprehensif bertujuan untuk mengelak, melindungi dan mempertahankan nilai-nilai teras keselamatan negara dalam memastikan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, aman dan sejahtera"

SEMABILAN (9) NILAI TERAS KESELAMATAN NEGARA

1	2	3	4	5	6	7	8	9
Kepercayaan	Kemampuan	Kepercayaan	Tekad dan	Kepercayaan	Kepercayaan	Kepercayaan	Kepercayaan	Kepercayaan
Kepercayaan								

\*Nilai-nilai teras keselamatan negara merupakan nilai yang perlu dipelihara, dkekalkan dan diperkuatkan bagi

**4**



# LATAR BELAKANG

### KAJIAN PELAKSANAAN SEMULA PLKN

- ✓ **TINJAUAN AWAM ATAS TALIAN**
  - Jun hingga Jul 2021.
  - 3,092 responden.
  - Umur antara 16 hingga 60 tahun.
- ✓ **SESI LIBAT URUS**
  - Secara fizikal dan atas talian
  - Melibatkan 31 kementerian dan agensi kerajaan



Dapatan maklum balas daripada tinjauan awam berhubung keperluan pelaksanaan semula PLKN



Sesi Libat Urus berhubung maklum balas mengenai kepentingan Latihan Asas Ketenteraan PLKN 3.0

**6**



## PIHAK BERKEPENTINGAN YANG TERLIBAT DI DALAM KAJIAN KONSEP DAN PELAN TINDAKAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA 3.0

1. Kementerian Pertahanan (MINDEF)
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
3. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
4. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)
5. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
6. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
7. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
8. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
9. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSAS)
10. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
11. Kementerian Sumber Manusia (KSM)
12. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
13. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
14. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
15. Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)
16. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
17. Kementerian Pengangkutan (MOT)
18. Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS)
19. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
20. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
21. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
22. Unit Pemodenan, Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)
23. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
24. Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA)
25. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
26. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
27. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
28. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
29. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
30. Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (I-LEAD)
31. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

7



## ISU, CABARAN DAN KECENDERONGAN BELIA MASA KINI



8

Sumber: Scenarios: Future of Youth 2035, IYRES




## ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023  
9 OKTOBER 2023

“ Antara perancangan PLKN akan menerapkan latihan asas ala **ketenteraan sebanyak 90%** dan modul **kenegaraan sebanyak 10%** yang diwajibkan untuk remaja lepasan SPM atau berumur 17 tahun. Lokasi latihan yang dicadangkan adalah di **kem-kem latihan milik kerajaan** seperti 13 Kem Wataniah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dan kem latihan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) ”

YB DATO' SERI UTAMA  
HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN



Untuk maklumat lanjut, sila layari media sosial  
Kementerian Pertahanan Malaysia @MINDEFMalaysia #mindefmalaysia Ministry of Defence MINDEF UPDATE mindefmal



## PEMBANGUNAN KONSEP PLKN 3.0



### STRUKTUR

Penyusunan struktur organisasi, latihan dan program

### TEKNOLOGI

Pengoptimuman penggunaan teknologi dalam latihan

### KERJASAMA

Ekosistem kerjasama pintar di antara kementerian, agensi dan PLKN

## MATLAMAT PELAN PELAKSANAAN PLKN 3.0



13

## OBJEKTIF PLKN 3.0



14



# ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

## KONSEP

- ⊗ Berteraskan Akta Latihan Khidmat Negara (Akta 628), DKN, KPP dan dasar-dasar yang berkaitan.
- ⊗ Teras utama ialah:
  - ❖ Cinta Negara.
  - ❖ Memujuk semangat perpaduan.
  - ❖ Semangat kesukarelawanan.
- ⊗ Gabungan 2 komponen penting melibatkan 4 fasa.
  - ❖ Komponen Utama Latihan Khidmat Negara.
    - Pengenalan Khidmat Negara atau Pra PLKN.
    - Fasa Latihan Asas.
  - ❖ Komponen Keberhasilan Khidmat Negara.
    - Fasa Latihan Khusus.
    - Fasa Khidmat Negara.











**PENGENALAN KEPADA DKN 2021-2025**

"Dasar Keselamatan Negara merupakan satu dasar payung atau teras mengenai keselamatan negara yang komprehensif bertujuan untuk mengekal, melindungi dan mempertahankan nilai-nilai teras keselamatan negara dalam memastikan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, aman dan sejahtera"

**SEMBILAN (9) NILAI TERAS KESELAMATAN NEGARA**



\*Nilai-nilai teras keselamatan negara merupakan nilai yang perlu dipelihara, dikedarkan dan diperkuatkan bagi menjamin kelangsungan Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat, aman dan sejahtera"

**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**



**7 TERAS**

- 1. Kelestarian Alam
- 2. Keselamatan
- 3. Keselamatan
- 4. Keselamatan
- 5. Keselamatan
- 6. Keselamatan
- 7. Keselamatan
- 8. Keselamatan
- 9. Keselamatan

15



# KONSEP PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA 3.0



**PRA PLKN**

Murid Tingkatan 4

**Modul Pengenalan**  
Teori khidmat negara, pendedahan kepada konsep keselamatan menyeluruh, kesedaran berkenaan ancaman keselamatan

 Kawasan sekolah

 Kerjasama PLKN dan Kementerian Pendidikan

 ~ 6 jam sepanjang kegiatan ko-kurikulum



**FASA LATIHAN ASAS**

Lepasan SPM atau berusia 17 tahun

**Modul Latihan**  
Asas ketenteraan (90%) dan kenegaraan (10%)

 Kem-kem latihan kerajaan dan Institut Latihan Awam yang memenuhi kriteria keperluan PLKN

 Kerahan bersyarat

 Tadbir urus JLKN

 ~ 6 Minggu (45 hari)



**FASA LATIHAN KHUSUS**

Terbuka, berusia 17 - 35 tahun

**Modul Latihan**  
Pelbagai modul latihan bergantung pengendali latihan dan kemudahan sedia ada

 Semua kemudahan latihan kerajaan meliputi semua kementerian

 Penyertaan sukarela

 Tadbir urus terselaras

 Jangka masa bergantung kepada latihan



**FASA KHIDMAT NEGARA**

Terbuka, berusia 17 tahun dan ke atas

**Program**  
Program sedia ada oleh semua agensi/kementerian berkaitan:

- Khidmat Pertahanan
- Khidmat Keselamatan Awam
- Khidmat Komuniti
- Khidmat Sipil
- Khidmat Kelestarian Alam

 Penyertaan sukarela

 Tadbir urus terselaras


16

## PROGRAM-PROGRAM KHIDMAT NEGARA



17

## KONSEP PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA 3.0



18

## CIRI-CIRI UTAMA PLKN 3.0




## TEMPOH LATIHAN





## TEMPOH LATIHAN KHIDMAT NEGARA BAGI NEGARA TERPILIH



21



## PENGIKTIRAFAN

- ⊗ Status bekas pelatih atau peserta diangkat sebagai anggota Angkatan Khidmat Negara (AKN).
- ⊗ Pengiktirafan ini memenuhi keperluan sektor pekerjaan awam yang terdiri daripada anggota tetap dan anggota simpanan.
- ⊗ Statistik keanggotaan pasukan simpanan akan bertambah, sekaligus meningkatkan status negara berbanding negara lain dalam konteks jumlah penyertaan khidmat negara.



## PERBANDINGAN KONSEP PLKN 1.0 DAN PLKN 2.0 DENGAN PLKN 3.0

KONSEP	PLKN 1.0	PLKN 2.0		PLKN 3.0	
<b>Kohort</b>	Belia umur 17 tahun atau lepasan SPM	Belia umur 17 tahun atau lepasan SPM		Penglibatan murid Tingkatan 4 (Fasa Pra PLKN) Belia umur 17 tahun atau lepasan SPM atau setaraf	
<b>Kaedah Pengambilan</b>	Kerahan secara terpilih	Penyertaan sukarela		Fasa Latihan Asas Kerahan secara terpilih	Fasa Latihan Khusus Penyertaan Sukarela
<b>Tempoh Latihan</b>	3 bulan	8 Minggu Fasa latihan lanjutan program kerjasama ILKA/ILKS		6 minggu (45 hari)	Jangka masa latihan bergantung kepada modul
<b>Modul Latihan</b>	<b>4 modul utama</b> * Fizikal * Kenegaraan * Pembinaan Karakter * Khidmat Komuniti	<b>5 modul utama</b> * Fit4Life * Tech and Talk * Malaysiaku * Be Safe Be Alert * I-Upgrade	<b>3 sub-modul</b> * Spirituality * My Future * Khidmat Komuniti	Latihan asas ketenteraan dan kenegaraan	Pelbagai modul latihan
<b>Pentadbiran dan Operasi</b>	Urus tadbir JLKN	Urus tadbir JLKN		Urus tadbir JLKN	Urus tadbir berkoordinasi antara agensi
<b>Fasiliti Latihan</b>	Kem PLKN (Swasta)	Kem PLKN (Swasta)		Kem Milik Kerajaan	Milik Kerajaan/Agensi berkaitan
<b>Elemen baharu yang diterapkan</b>	Konsep khidmat negara yang hampir dengan standard antarabangsa	* Penjenamaan semula modul latihan * Penambahan modul kemahiran * Penambahan fasa latihan lanjutan		* Pra PLKN: Pengenalan kepada Khidmat Negara * Fasa Latihan Asas: Fokus kepada latihan asas ketenteraan * Fasa Latihan Khusus: Konsolidasi dan penyelarasan program yang berkaitan	

23

## KEMUDAHAN TEMPAT LATIHAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023  
9 OKTOBER 2023

“Antara perancangan PLKN akan menerapkan latihan asas ala **ketenteraan sebanyak 90%** dan modul **kenegaraan sebanyak 10%** yang diwajibkan untuk remaja lepasan SPM atau berumur 17 tahun. Lokasi latihan yang dicadangkan adalah di **kem-kem latihan milik kerajaan** seperti 13 Kem Wataniah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dan kem latihan Polis DiRaja Malaysia (PDRM)”

YB DATO' SERI UTAMA  
HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN





## KEMUDAHAN TEMPAT LATIHAN (FASA LATIHAN ASAS)

BIL	REJIMEN WATANIAH	KAPASITI SEKARANG	PERINTIS	TAHUN									
				1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1	501	170		170	170	170	170	170	400	400	400	400	400
2	502	36			300	300	300	300	300	300	300	300	300
3	503	120		120	300	300	300	300	300	300	300	300	300
4	504	140		140	140	140	300	300	300	300	300	300	300
5	505	200		200	200	200	400	400	400	400	400	400	400
6	506	60				200	200	200	400	400	400	400	400
7	507	15											
8	508	160	150	160	160	160	300	300	300	300	300	300	300
9	509	200		200	200	200	200	200	400	400	400	400	400
10	510	100		100	100	200	200	200	200	200	400	400	400
11	511	273		273	273	273	273	273	273	273	500	500	500
12	512	220		200	220	220	220	220	220	220	220	220	450
13	513	300		300	300	300	300	300	300	300	300	300	600
14	514	120		120	250	250	250	250	250	250	250	250	250
15	515	480	350	480	480	480	480	480	480	480	480	480	600
16	516	150		150	150	150	150	150	150	150	300	300	300
		JUMLAH	500	2633	3243	3543	4043	4043	4673	4673	5250	5250	5900

25



## KEMUDAHAN TEMPAT LATIHAN (FASA LATIHAN KHUSUS)

BIL	AGENSI	JUMLAH
1.	Kementerian Pendidikan Tinggi	111
2.	Jabatan Perdana Menteri	38
3.	Kementerian Pendidikan Malaysia	34
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	33
5.	Kementerian Sumber Manusia	32
6.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	29
7.	Kementerian Belia dan Sukan	21
8.	Kementerian Kewangan	8
9.	Kementerian Dalam Negeri	7
10.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	7
11.	Kementerian Pengangkutan	7
12.	Kementerian Kesihatan	6
13.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	3
14.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	3

26



## KEMUDAHAN TEMPAT LATIHAN (FASA LATIHAN KHUSUS)

BIL	AGENSI	JUMLAH
15.	Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak	2
16.	Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor	2
17.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	2
18.	Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu	2
19.	Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah	1
20.	Kementerian Luar Negeri	1
21.	Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang	1
22.	Kementerian Pertahanan	1
23.	Kementerian Komunikasi dan Digital	1
24.	Jabatan Wilayah Persekutuan	1
25.	Pentadbiran Kerajaan Pulau Pinang	1
26.	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	1
27.	Jabatan Ketua Menteri Sabah	1
	Jumlah Keseluruhan	356

27



## CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN JUMLAH PELATIH

- ⊗ Mengiktiraf program latihan yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan seperti Askar Wataniah dan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang disertai oleh pelajar di IPT.
- ⊗ Mengiktiraf dan menambahbaik beberapa latihan ko-kurikulum di IPT yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan seperti KESATRIA di UiTM, Pasukan Institut Pertahanan Awam Malaysia di Politeknik, Kor Sukarelawan Polis di IPT seperti di UUM dan UiTM.
- ⊗ Mengiktiraf program-program lain yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan dan ditetapkan oleh badan pelaksana PLKN 3.0.





## STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PLKN 3.0

	GARIS MASA		
	2023	2024	2025
<b>STRATEGI 1</b> Pembentukan Organisasi Pelaksana yang Komprehensif dan Transformasi Progresif	PT02 Menubuhkan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)	PT03 Memohon peruntukan Dasar Baru. PT04 Menubuhkan Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) PT05 Merangka polisi, modul dan program PT06 Menetapkan sasaran pencapaian KPI PT07 Mewujudkan peraturan di bawah Akta 628.	
<b>STRATEGI 2</b> Memperkasa Kerjasama Menyeluruh dan Berkesinambungan		PT08 Mengkaji, merancang, infrastruktur dan prasarana latihan: kem kerajaan & ILA. PT09 Memohon peruntukan one-off bagi naik taraf prasarana PT10 Menubuhkan jawatankuasa kejurulatihan. PT11 Menyedia, merancang pelaksanaan Pra PLKN untuk sekolah. PT12 Mewujudkan satu platform pengurusan AKN untuk khidmat negara	
<b>STRATEGI 3</b> Adaptasi Digital & Teknologi Terkini bagi Penyampaian Maklumat dan Latihan	PT01 Menyediakan pelan komunikasi.	PT13 Menyediakan pengkalan data, portal dan aplikasi pintar	PT14 Mengkaji penggunaan teknologi untuk latihan



*Terima  
Kasih*

LAMPIRAN B



















**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**LAPORAN PROSIDING**

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
KESELAMATAN**

---

**PEMBENTANGAN OLEH KEMENTERIAN  
PERTAHANAN MENGENAI PELAKSANAAN  
PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA  
(PLKN)**

---

**BIL. 6**

**RABU, 1 NOVEMBER 2023**

**PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
KESELAMATAN  
BIL. 6 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**RABU, 1 NOVEMBER 2023**

---

**AHLI-AHLI MESYUARAT**

**Hadir**

YB. Datuk Jonathan bin Yasin [Ranau]

- *Pengerusi*

YB. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan]

YB. Tuan Lim Lip Eng [Kepong]

YB. Tuan Pang Hok Liong [Labis]

YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]

YB. Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh]

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

YB. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]

YB. Dato Anyi Ngau [Baram]

**URUS SETIA**

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Encik Augustine Leonard anak Jen [Pegawai Penyelidik, Seksyen Parlimen, Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Pengurusan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]

Puan Nuraini binti Roslan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Parlimen, Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Pengurusan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]

Dr. Muhammad Faiz bin Ramli [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Cik Nadrah Husnina binti Hassim [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)**

YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun [Ketua Setiausaha]

Encik Muhammad Firdaus bin Mohd Ramli [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Encik Fakhruiradzi bin Salomat [Pegawai Khas]

**Kementerian Dalam Negeri (KDN)**

YBhg. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman [Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan)]

Encik Johar Julasbi [Timbalan Setiausaha Bahagian III, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

**Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

YBhg. Datuk Haji Pkharuddin bin Haji Ghazali [Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia]  
Tuan Zainuren bin Haji Mohd Nor [Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian]

**Kementerian Pertahanan (MINDEF)**

YBrs. Tuan Azhar bin Mohamad Yusof [Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik]

Encik Farouk Shaffrizal bin Othman [Ketua Penolong Setiausaha, Unit Penyelidikan dan Perancangan Strategik]

**Kementerian Belia dan Sukan (KBS)**

YBrs. Encik Noor Hisham bin Rosle [Pengarah Bahagian Penyelarasan Strategik, i-LEAD]

**Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**

Encik Sharez Izuan bin Md Zaidi [Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Unit Perancangan Pendidikan Tinggi, Bahagian Dasar dan Penyelidikan]

**Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD)**

Pn. Rohani binti Chik [Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Hubungan Media]

**Kementerian Perpaduan Negara (KPN)**

Encik Idzam Fahmi bin Mahpul [Penolong Setiausaha Bahagian (Seksyen Dasar)]

**Majlis Keselamatan Negara (MKN)**

Encik Mohd Tarmizi bin Dan [Pengarah Pusat Pengurusan Operasi Negara]

**Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

DCP Dato' Azman bin Ayob [Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), Bukit Aman.

**Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)**

Encik Mohd Fazir bin Yusoff [Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemantauan Operasi dan Pemantauan]

Encik Mohamad bin Ghani [Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Antarabangsa]

**Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS)**

Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran [Ketua Eksekutif]

Puan Manoranchitham a/p Rathnam [Pengarah Kajian Polisi]

Lt. Kol. Azlan bin Muhammad [Penolong Pengarah Kajian Polisi]

---

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESELAMATAN BIL. 6 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**RABU, 1 NOVEMBER 2023**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.04pagi**

*[Yang Berhormat Datuk Jonathan bin Yasin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** Okey, selamat pagi dan salam sejahtera pada Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan dan wakil-wakil tetap ex officio yang hadir pada hari ini. Bersama-sama dengan kita pada hari ini dan juga wakil-wakil daripada pihak Kementerian Pertahanan – Kementerian Pertahanan boleh angkat tangan? Kementerian Dalam Negeri – Datuk, saya ingat. Majlis Keselamatan Negara? Okey, Majlis Keselamatan. Polis Diraja Malaysia? Kementerian Perpaduan? Idzam Fahmi, tak ada?

**Encik Idzam Fahmi bin Mahpul: [Penolong Setiausaha Bahagian (Seksyen Dasar), Kementerian Perpaduan Negara (KPN)]:** Ada YB, saya.

**Tuan Pengerusi:** Ada di belakang ya. Dari Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah? Okey. Daripada Kementerian Pendidikan? Kementerian Komunikasi dan Digital? Kementerian Belia dan Sukan, belum sampai? Baru sampai? Okey. Dari Suruhanjaya Pilihan Raya? Okey. Malaysian Institute Of Defence and Security (MiDAS)? Okey. Daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, wakilnya? Daripada Parlimen Malaysia, ini pegawai-pegawai penyelidiklah.

Jadi, saya juga mengalu-alukan kehadiran semua yang dijemput hadir, kementerian dan yang berkenaan. Tujuan perjumpaan pada hari ini adalah untuk kita membincangkan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara 3.0 atau PLKN 3.0. Di dalam sesi soal jawab lisan pada 9 Oktober 2023, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah memaklumkan kepada Dewan Rakyat mengenai perkara-perkara berikut.

Pertama, Jemaah Menteri pada tahun 2021 telah meluluskan supaya pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara atau PLKN dikaji semula. Satu

jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh MINDEF untuk mengkaji cara untuk mengembalikan semula PLKN dengan model dan modul dan *template* yang baharu. PLKN 3.0 akan memberikan pulangan yang baik dalam bentuk modal insan bagi generasi muda dengan fokus akan diberikan kepada belia berumur di antara 16 tahun hingga 35 tahun.

Fasa latihan pula adalah terbahagi kepada dua iaitu fasa satu di peringkat sekolah, badan beruniform; dan fasa dua peringkat lepasan sekolah. Fasa dua akan memberikan lebih fokus kepada nilai ketenteraan iaitu 90 peratus nilai ketenteraan dan 10 peratus nilai tatanegara serta patriotisme dan akan diadakan di kem-kem latihan wataniah dan tentera serta tempoh program yang dipendekkan dari tiga bulan kepada 45 hari.

Kementerian Pertahanan juga telah bersetuju untuk menggunakan jurulatih dalam perkhidmatan sedia ada tetapi akan mengambil kira juga untuk menambah bilangan jurulatih tersebut dari kalangan veteran. Dalam pelaksanaan modul PLKN 3.0 ini, kerajaan dijangka dapat melakukan penjimatan kos dari lebih RM500 juta setahun kepada RM100 juta setahun. Di samping dapat menghasilkan golongan belia yang berkualiti, berdisiplin, cintakan negara dan bersedia mengambil tanggungjawab dalam masyarakat.

Seterusnya, Kementerian Pertahanan juga telah bersetuju supaya pelaksanaan PLKN 3.0 dibincang di Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan, iaitu jawatankuasa ini. Dalam sesi penggulungan perbahasan Belanjawan 2024 peringkat dasar semalam, Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga memaklumkan walaupun PLKN baharu akan disasarkan kepada golongan belia antara 16 dan 35 tahun, namun pelajar Tingkatan 5 akan dikecualikan. Pelajar Tingkatan 5 yang menduduki peperiksaan SPM tidak akan dipilih untuk menjalani latihan asas ketenteraan di bawah PLKN 3.0 bagi memberi peluang kepada mereka untuk fokus dan memberi persediaan bagi menghadapi peperiksaan SPM.

Oleh itu, agenda utama kita pada hari ini adalah untuk membincangkan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 3.0) oleh Kementerian Pertahanan dan bagaimana kementerian-kementerian lain dapat membantu pelaksanaan PLKN 3.0. Untuk itu, saya akan persilakan MINDEF untuk membuat pembentangan. Namun, saya ingin mengingatkan kepada ahli-ahli mesyuarat bahawa mesyuarat ini tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347] di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang

---

dibentangkan di hadapan jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan sehingga jawatankuasa membentangkan penyata tersebut di Dewan Rakyat nanti.

Jadi, saya persilakan daripada pihak Kementerian Pertahananlah untuk memberikan kita – mendengar taklimat daripada pihak Kementerian Pertahanan. Silakan.

■1110

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran [Ketua Eksekutif, Malaysian Institute of Defence And Security (MiDAS)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca selawat].* Yang Berhormat Datuk Jonathan Yasin, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Parlimen; Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Sri, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya, Mejar Jeneral Yacob bin Haji Samiran. Saya merupakan Ketua Eksekutif *Malaysian Institute of Defence And Security* di MINDEF ingin mentaklimatkan berkenaan dengan pelaksanaan semula Program Latihan Negara (PLKN 3.0). Izinkan saya mengangkat maklum kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan seluruh ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan mengenai hasrat kerajaan untuk melaksanakan semula Program Latihan Khidmat Negara yang telah dimansuhkan pada 11 Januari 2018.

*Next.* Tujuan taklimat ini adalah untuk mengangkat maklum kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan mengenai PLKN berdasarkan konsep yang baharu.

*Next.* Sebagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, pada 6 Januari 2021, Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip serta membuat keputusan dasar mengenai pelaksanaan semula PLKN iaitu boleh dipertimbangkan dan diperhalusi pelaksanaannya oleh sebuah jawatankuasa kerja yang akan ditubuhkan di Kementerian Pertahanan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak yang berkaitan. Tujuannya – *next*, menjadikan PLKN ini satu program unggul yang menitikberatkan tiga teras utama iaitu cintakan negara, kesukarelawanan dan perpaduan.

*Next.* Selain menganalisis PLKN 1.0 dan PLKN 2.0, kami juga menyemak kajian-kajian yang lalu yang mempunyai kaitan dengan PLKN serta meninjau program-program *national service* daripada negara-negara lain. Antara kajian-kajiannya seperti yang dipaparkan. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Kementerian Pertahanan telah menubuhkan jawatankuasa kerja untuk

---

---

melaksanakan kajian pelaksanaan semula PLKN dan membangunkan pelan tindakan selaras dengan keperluan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 iaitu Akta 628.

So, jawatankuasa kerja telah menggunakan terma rujukan seperti yang ditayangkan. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* So, Akta Latihan Khidmat Negara, Dasar Keselamatan Negara, Kertas Putih Pertahanan, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Dasar Perpaduan Negara, Dasar Komuniti Negara, Dasar Komuniti Negara, Dasar Belia Negara, Wawasan Kemakmuran Negara dan Kajian Indeks Malaysia pada tahun 2022.

Kementerian Pertahanan juga telah membuat tinjauan awam secara atas talian pada bulan Jun hingga bulan Julai 2021 bagi mendapatkan maklum balas awam berhubung dengan cadangan pelaksanaan semula PLKN dan modul-modul yang dicadangkan. Tinjauan awam ini melibatkan seramai 3,092 responden yang berumur antara 16 hingga 60 tahun. So, berdasarkan tinjauan tersebut, 89 peratus bersetuju dengan latihan modul ketenteraan sebagai latihan asas kepada Latihan Khidmat Negara. 85 peratus daripada responden faham mengapa Program Khidmat Negara ini perlu diadakan semula. 87 peratus bersetuju supaya PLKN ini ada ataupun mempunyai keperluan latihan lanjutan dan sebanyak 71 peratus bersetuju supaya PLKN ini diperkenalkan di peringkat sekolah untuk memberikan pengenalan awal.

So, selain daripada tinjauan awam, Kementerian Pertahanan turut mengadakan sesi libat urus secara fizikal dan juga atas talian melibatkan pegawai dan wakil daripada 31 kementerian dan agensi kerajaan termasuk Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) untuk membangunkan pelan tindakan pelaksanaan semula PLKN bagi memperhalusi cadangan pelaksanaannya. Senarai kementerian adalah seperti yang ditayangkan. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Menurut Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) – *next*, isu cabaran dan kecenderungan dari perspektif sosial, teknologi, ekonomi, alam sekitar, politik dan nilai amat berkait rapat dengan masa depan mereka; masa depan belia. Oleh itu, usaha hendaklah ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecekapan para belia. Hal ini amat perlu memandangkan masa depan yang mereka akan tempuhi, oleh para belia ini, amat mencabar dan mereka memerlukan persiapan atau persediaan diri yang hebat.

Belia sebagai aset – *next*, boleh dibentuk peradaban mereka melalui beberapa fasa kehidupan yang bermula dari rumah sehinggalah ke alam pekerjaan.

---

Terdapat beberapa pemacu yang boleh merubah kecenderungan para belia seperti yang ditayangkan iaitu dari aspek kepimpinan dan tadbir urus; daripada nilai dan budaya; perubahan demografi dan penduduk; kesihatan dan gaya hidup; pendidikan dan juga pembangunan modal insan; kemampunan ekonomi; kelestarian alam sekitar, dan; kemajuan teknologi dan pendigitalan.

Keupayaan belia untuk menyumbang kepada kejayaan negara bergantung kepada kebolehpayaan dan juga kemahiran mereka dalam menghayati nilai-nilai penting merentasi enam domain modal yang telah dikenal pasti seperti modal sosial, modal psikologi, modal intelek, modal rohaniah, modal kemahiran dan juga modal keusahawanan.

Kajian terperinci telah dilaksanakan oleh badan berwibawa dan tinjauan awam menunjukkan PLKN berjaya memberikan impak yang baik dalam kalangan belia di samping menyemai semangat kenegaraan dan meningkatkan elemen patriotisme. Penerapan nilai positif dalam kalangan generasi muda yang dilaksanakan melalui PLKN memacu pembentukan negara yang dihasratkan serta mampu membangun segenap golongan belia menjadi warga yang lebih cintakan negara dengan semangat yang dikehendaki dalam menuju masa hadapan.

*Next.* Asas-asas pertimbangannya.

*Next.* Pembangunan konsep PLKN 3.0 mempertimbangkan beberapa faktor penting untuk memastikan pelaksanaan program baharu ini dapat dimanfaatkan. Di antaranya adalah seperti yang ditayangkan, iaitu daripada segi – belum, belum. *[Merujuk kepada urus setia]* Penyusunan struktur organisasi, latihan dan program; pengoptimuman penggunaan teknologi dalam latihan dan ekosistem kerjasama pintar di antara kementerian, agensi dan juga PLKN.

Matlamatnya adalah seperti yang berikut, *next*, iaitu untuk memastikan kesinambungan khidmat negara melalui program ataupun aktiviti yang berterusan. Yang kedua, mewujudkan peluang kerja ataupun kerjaya melalui angkatan sukarela atau angkatan tetap. Memupuk kerjasama dengan pelbagai kementerian, jabatan dan juga agensi kerajaan. Yang keempat, mengoptimumkan penggunaan kem-kem milik kerajaan dan juga institut latihan awam di seluruh negara. Menawarkan latihan lanjutan kepada pelatih demi kesiap-siagaan mendepani sebarang ancaman keselamatan dan pertahanan dan yang akhir sekali ialah memastikan latihan asas selaras dengan Akta Khidmat Negara [Akta 425] iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan juga Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

---

---

**■1120**

Objektifnya, pelaksanaan semula PLKN menunjukkan bahawa kerajaan komited menyediakan generasi masa hadapan yang gagah perkasa dan berkualiti untuk menjaga keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara.

Sehubungan itu, program ini dibentuk selaras dengan objektif yang hendak dicapai seperti yang ditayangkan. Ada lima objektif PLKN yang telah pun ditetapkan iaitu:

- (i) meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda;
- (ii) memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional;
- (iii) membentuk perwatakan positif dan nilai murni;
- (iv) menyemarakkan semangat kesukarelawanan; dan
- (v) melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas dan berkeyakinan.

Untuk itu, *next*, konsep PLKN 3.0 masih berdasarkan kepada Akta Latihan Khidmat Negara dan juga akta-akta yang lain ataupun dasar-dasar lain seperti yang saya nyatakan tadi dan teras utamanya adalah cintakan negara, memupuk semangat perpaduan dan semangat kesukarelawanan. Kami mencadangkan dua komponen, gabungan dua komponen penting melibatkan empat fasa. Komponen yang pertama iaitu komponen utama latihan Khidmat Negara iaitu pengenalan Khidmat Negara ataupun pra-PLKN, fasa latihan asas. Manakala komponen keberhasilan negara melibatkan fasa latihan khusus dan juga fasa khidmat negara.

Fasa Khidmat Negara – *next* – ini adalah dia punya konsep dia. Fasa yang pertama iaitu pra-PLKN. Dia adalah merupakan di peringkat sekolah menengah yang merupakan langkah baharu sebagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat dimaklumkan iaitu mulai daripada Tingkatan 4. Tingkatan 5 tidak terlibat dengan apa-apa program ini. Selepas sahaja mereka mengambil peperiksaan iaitu lepasan SPM atau mereka yang berusia 17 tahun dan ke atas, mereka akan dipilih untuk melalui fasa latihan asas selama 45 hari. Seterusnya secara sukarela ataupun dipilih untuk fasa latihan khusus.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Tuan Pengerusi, boleh tanya? Tadi kata umur 15 ke atas, sekarang kata 17.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** 16, 16.

**Tuan Lim Lip Eng:** Oh, okey.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** 16 itu di Tingkatan 4. *Then*, fasa yang akhir Khidmat Negara iaitu terbuka 17 tahun dan ke atas. Dalam

---

program ini – yang sedia ada ini iaitu di fasa Khidmat Negara itu ada Khidmat Pertahanan, ada Khidmat Keselamatan Awam, ada Khidmat Komuniti dan ada Khidmat Sivil dan juga ada Khidmat Kelestarian iaitu – *next*.

Ini yang dikatakan Khidmat Pertahanan iaitu melindungi apa-apa juga yang melibatkan aktiviti melindungi kedaulatan, integriti dan kepentingan negara, manakala Khidmat Keselamatan Awam membantu kerajaan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman awam. Khidmat Masyarakat membantu kerajaan melaksanakan aktiviti bantuan masyarakat. Khidmat Sivil membantu kerajaan memperkenalkan penjagaan kesihatan, pembersihan awam dan juga sebagainya. Juga Kelestarian Alam, ini melibatkan memantau dan juga mengekalkan alam sekitar.

Secara urutannya Yang Berhormat, apabila dia dah selesai PLKN, maknanya pada usia ataupun pada lepasan SPM ataupun *O Level* setaraf, mereka ini sebenarnya diberi – akan dipanggil kerahan terpilih untuk melalui fasa latihan asas yang atas ini. [*Merujuk kepada slaid pembentangan*] Contoh kita ambil iaitu yang warna oren. So, itu adalah latihan asas di kem-kem tentera termasuklah Polis Diraja Malaysia (PULAPOL) dan juga latihan-latihan awam yang memenuhi kriteria keperluan PLKN.

Ada juga yang lepasan SPM yang mereka ini akan terus pergi ke universiti. Di universiti juga ada latihan asas di IPT terutamanya PALAPES. PALAPES, Kesatria yang mempunyai asas latihan yang sama iaitu asas latihan ketenteraan. Jadi, apabila mereka ini menyelesaikan fasa itu, mereka secara sukarela boleh melakukan ataupun kita pilih untuk fasa latihan khusus. Jika tidak, mereka terus akan diiktiraf sebagai Angkatan Khidmat Negara iaitu yang di tengah-tengah putih terus menuju ke – jadi sukarelawan.

Ada juga Yang Berhormat, mereka ini tidak mempunyai ataupun tidak mengambil SPM ataupun mereka tercicir semasa di Tingkatan 4 ataupun yang ini tetapi berusia 17 tahun ke atas, mereka juga akan dipilih dan menjalani latihan asas dan mereka juga boleh menjadi Angkatan Khidmat Negara. Manakala yang *line* bawah yang warna hijau itu Yang Berhormat, ada juga situasi di mana mereka ini iaitu contohnya orang OKU, dia tidak boleh melalui latihan asas ketenteraan ini, dia terus pergi ke latihan khusus tertentu dan dia boleh menjadi Anggota Khidmat Negara.

Di samping itu juga, mereka juga boleh juga selepas latihan khusus ini ataupun yang ini pergi menjadi angkatan tetap ataupun angkatan pasukan simpanan. Contohnya macam apabila mereka hendak memasuki Askar Wataniah, so dia boleh

---

menyertai dan dia terus pergi ke latihan khusus, maknanya latihan Askar Wataniah dan dia akan menjadi pasukan Askar Wataniah. Itu contoh, *one of the* contoh dia punya ini.

Contoh-contoh Program Khidmat Negara yang mempunyai latihan khusus bagi sukarelawan ialah contohnya macam RELA di Kementerian Dalam Negeri, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), ataupun Rakan Cop polis, yang ini mereka akan terus – dia ada latihan khusus mereka. Kementerian Perpaduan Negara, dia ada Kejiranan Rukun Tetangga di bawah JPNIN. Di bawah Kementerian Pelajaran, dia ada Kesukarelawanan Politeknik Malaysia. Dalam Kementerian Belia dan Sukan, dia ada i-LEAD dan di Kementerian Kesihatan dia ada MyVac dan MySukarela. Jadi, dia memang ada program di peringkat latihan khusus.

Manakala pada pasca-PLKN ataupun Khidmat Negara ini adalah iaitu pelatih PLKN memberi sumbangan secara sukarela kepada negara. Fasa ini adalah sama seperti Alumni PLKN yang wujud semasa PLKN 1.0. Walau bagaimanapun, fasa ini akan diurus oleh sebuah badan secara terancang dan sistematik bagi memastikan kelangsungan Alumni PLKN.

Platform pengurusan Khidmat Negara ini akan mewujudkan kolaborasi pintar bersama pemegang-pemegang taruh seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan kementerian-kementerian berkaitan yang lain untuk keperluan anggota Khidmat Negara yang terlatih yakni sukarelawan menyertai program yang dijalankan oleh agensi-agensi berkenaan.

So, anggota Angkatan Khidmat Negara adalah merupakan sukarelawan negara dan mereka perlu diberikan kelebihan dalam aspek peluang pendidikan, kerjaya dan kesukarelawanan. So, Program Khidmat Negara turut boleh dilaksanakan oleh pihak NGO ataupun syarikat yang mempunyai program CSR mereka ataupun tanggungjawab sosial korporat. Oleh itu, mereka boleh mendapatkan khidmat kesukarelawanan daripada Angkatan Khidmat Negara dan juga secara tidak langsung menaja latihan khusus sekiranya ada keperluan.

#### ■1130

Antara program sedia ada yang boleh melibatkan pihak NGOs dan syarikat swasta adalah program daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dikenali sebagai Sukarelawan Hero Kebersihan. Program daripada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dikenali sebagai Sukarelawan Konservasi. Daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air dikenali sebagai Rakan Alam Sekitar.

---

---

Sementara daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dikenali sebagai Skuad Keluarga Malaysia.

*Next.* Ciri-cirinya Yang Berhormat adalah yang pertama daripada aspek latihan. Penyusunan semula latihan perlu dibuat bagi memastikan latihan dan program dapat dilaksanakan secara berterusan. Penyusunan semula tersebut perlu mengambil kira sasaran umur pelatih sehingga berumur 35 tahun untuk memastikan Malaysia setanding dengan negara lain dalam aspek latihan dan khidmat negara.

Kedua adalah kerjasama pintar. PLKN perlu menjadi pilihan utama untuk masyarakat bukan hanya untuk mengikuti latihan yang berguna, malah untuk menyertai misi atau aktiviti khidmat negara. PLKN boleh menjadi platform yang beri ruang atau membuka ruang kepada orang awam menyumbang tenaga secara sukarela dalam merealisasikan semangat cintakan negara, kesukarelawanan dan perpaduan. Pertubuhan bukan kerajaan atau NGO dan syarikat swasta perlu diberi peluang untuk bekerjasama bagi melaksanakan Program Khidmat Negara dengan penyertaan Angkatan Khidmat Negara yang terlatih.

Yang ketiga iaitu jangka masa latihan asas. Mengikut data kajian Yang Berhormat, jangka masa latihan asas bagi negara-negara penanda aras seperti Korea Selatan dan Singapura adalah di antara empat minggu hingga sembilan minggu. So, secara purata jangka masa bagi PLKN terdahulu adalah 10 minggu. So, oleh itu latihan asas PLKN 3.0 yang tertumpu kepada latihan yang bercirikan asas ketenteraan dan kenegaraan dicadangkan dilaksanakan 45 hari ataupun dalam masa lebih kurang enam minggu.

Seterusnya adalah penggunaan teknologi. Bersesuaian dengan kecenderungan pembangunan prasarana Internet, PLKN perlu memanfaatkan usaha ini dan membangunkan aplikasi PLKN untuk kemudahan rakyat dan juga kumpulan sasar. Aplikasi tersebut boleh digunakan oleh golongan belia untuk berdaftar sebagai pelatih PLKN, menyertai latihan ataupun mendapat maklumat mengenai latihan yang ada dengan mudah dan tepat.

Pengiktirafan. Bagi menilai keberkesanan PLKN, pengiktirafan perlu diberikan kepada masyarakat Malaysia yang mempunyai latihan dalam Program Latihan Khidmat Negara ini. Status bekas pelatih ataupun peserta sewajarnya diangkat sebagai Anggota Khidmat Negara (AKN). Pengiktirafan ini memenuhi keperluan sektor pekerjaan awam yang terdiri daripada anggota tetap dan juga anggota simpanan. Statistik keanggotaan pasukan simpanan akan bertambah. Sekali gus meningkatkan status negara berbanding dengan negara lain dalam konteks jumlah penyertaan khidmat negara. *Next, next.*

---

*Next, next.* Ini adalah contoh-contoh Yang Berhormat, tempoh latihan khidmat negara bagi negara-negara yang terpilih, Yang Berhormat. Untuk Amerika ini dia latihan asas ketenteraannya selama 10 minggu tetapi dia buat secara sukarela. Manakala Brunei Darussalam dia lebih kepada latihan bukan ketenteraan, dia sukarela juga. Di Jerman, 12 minggu untuk latihan asas ketenteraan, 24 minggu latihan lanjutan. Korea Selatan empat minggu latihan ketenteraan, 72 minggu latihan lanjutan. Singapore dia sembilan minggu untuk latihan ketenteraan, 24 minggu untuk latihan lanjutan. Taiwan lima latihan ketenteraan, 16 latihan lanjutan. Thailand dia menggunakan latihan asas ketenteraannya 10 minggu. Manakala Turkiye dia empat minggu untuk latihan asas ketenteraan dan 12 minggu dia untuk latihan lanjutan. Jadi, kalau kita mengambil enam minggu untuk latihan ketenteraan dan tidak ada masa-masa tertentu untuk latihan lanjutan. Maknanya, terpulang kepada agensi yang akan melaksanakan.

*Next.* Ini pengiktirafan tadi. [*Merujuk kepada slaid pembentangan*]

*Next.* Jadi, kalau secara perbandingan konsep PLKN 1.0, 2.0 dan 3.0 seperti yang dipaparkan Yang Berhormat, daripada segi *cohort*-nya lebih kurang sama cumanya pada PLKN 3.0 dia ada penglibatan murid Tingkatan 4 iaitu di fasa pra-PLKN. Manakala kaedah pengambilannya pula, kalau kita tengok kepada PLKN 1.0 dia kerahan secara terpilih. PLKN 2.0 dia penyertaannya sukarela tetapi 3.0 latihan asas dia kerahan secara terpilih, manakala khusus, dia ada penyertaannya sukarela.

So, tempoh latihannya mula-mula itu tiga bulan, selepas itu lapan minggu. Walaupun dia ada fasa latihan lanjutan, program kerjasama Institut Latihan Kemahiran Awam dan juga kemahiran swasta tetapi di 3.0 dia enam minggu ataupun 45 hari. Tetapi jangka latihan-latihan untuk latihan lanjutan ini dia bergantung kepada modul itu sendiri. Manakala modul latihan 3.0 ini memang 90 peratus latihan ketenteraan, 10 peratus kenegaraan dan latihan untuk lanjutan dia ada pelbagai modul latihan mengikut dia punya agensi-agensi yang melaksanakan latihan tersebut.

Pentadbiran dan operasi. *Basically* sama iaitu akan ditadbir oleh JLKN. Cumanya pada fasa latihan lanjutan diurus tadbir berkoordinasi dengan agensi-agensi yang terlibat. Fasiliti latihan 1.0 dan 2.0 dia kem PLKN swasta tetapi yang 3.0, kem latihan milik kerajaan iaitu kem Askar Wataniah dan juga PULAPOL. Manakala untuk latihan lanjutan adalah institut latihan awam milik kerajaan dan juga agensi yang berkaitan. So, elemen-elemen baru yang kita terapkan di sini di PLKN 3.0 iaitu pra-PLKN, latihan asas dan juga latihan khusus. Manakala yang lain-lain itu lebih kepada penjenamaan modul sahaja.

---

*Next.* Yang Berhormat, sebahagiannya kami kemukakan kemudahan latihan. *Next.* Ini adalah kemudahan latihan asas di Rejimen Askar Wataniah daripada 501 sehinggalah 516, dalam Malaysia ini ada 16 kem askar wataniah. Walaubagaimanapun, dalam kajian kami tiga daripada kem ini memerlukan penambahbaikan. Semua sebenarnya memerlukan tetapi tiga ini agak sukar memenuhi keperluan iaitu 502 di Sungai Buloh, 506 di Kelantan, 507 di Sabah.

Walaubagaimanapun, 502 itu pada tahun keduanya barulah boleh – setelah kita buat penambahbaikan setiap kem itu, barulah mereka boleh menampung. Jadi, kita telah sasarkan pengambilannya di antara 300 ke 500 satu kem satu siri. Maknanya ini kita sasarkan 5,900 manakala di PULAPOL pula dia 4,600 tetapi bergantung kepada sekiranya tidak ada latihan asas konstabel. Dia boleh menyediakan 4,600. *Next.*

#### ■1140

Untuk latihan khusus di tempat awam ini kita ada 356 tempat latihan seperti yang ditayangkan, *next.* Keseluruhannya untuk mereka melaksanakan latihan khusus. *Next* – dan kita tahu dalam masa setahun ini tidak dapat memenuhi semua apa yang kita hendak. Jadi, ada juga kita cadangkan untuk cara-cara untuk meningkatkan jumlah pelatih iaitu mengiktiraf program latihan yang mempunyai ciri-ciri asas ketenteraan seperti Askar Wataniah, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang disertai oleh para pelajar.

Yang keduanya, mengiktiraf dan menambah baik beberapa latihan kokurikulum di IPT yang mempunyai ciri-ciri latihan asas ketenteraan seperti Kesatria di UiTM; Pusat Latihan Pertahanan Awam Malaysia di politeknik; Kor Sukarelawan Polis di IPT seperti di UUM dan UiTM dan apa juga program-program yang mempunyai ciri-ciri asas ketenteraan yang ditetapkan oleh badan pelaksana PLKN.

*Next.* Yang Berhormat, kami juga menyediakan strategi dan pelan tindakan. *Next.* Kami menyediakan tiga strategi – menyiapkan tiga strategi iaitu:

- (i) pembentukan organisasi pelaksana yang komprehensif dan juga transformasi progresif;
  - (ii) memperkasakan kerjasama menyeluruh dan berkesinambungan; dan
  - (iii) adaptasi digital dan teknologi yang terkini bagi menyimpan penyampaian maklumat dan juga latihan.
-

Kami menyediakan enam – *sorry*, 14 pelan tindakan; enam pada strategi pertama, lima pada strategi kedua dan tiga pada strategi yang ketiga. Paparannya seperti di – *next*. Ini antara pelan tindakan yang kami akan laksanakan seterusnya.

*Next*. Itu saja Yang Berhormat daripada kami untuk kami taklimatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih atas taklimat yang diberi sebentar tadi. Daripada ahli-ahli, jika ada seberang pertanyaan itu bolehlah dikemukakan untuk mendapatkan pencerahan atau apa-apa soalan yang penting atau pendapat yang penting yang dirasakan perlu diambil kira. Saya buka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan apa-apa pandangan.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Terima kasih kepada Mejar Jeneral Yacob atas penerangan yang komprehensif daripada muka surat pertama sehingga ke akhir. [Ketawa]

Saya teliti perkara ini terutamanya kerana soalan yang dikemukakan itu soalan daripada saya pada 9 Oktober itulah. Jadi, perkara ini memang menjadi perkara yang penting dan saya rasa memang perlukan penelitian. Sebab itu ada beberapa soalan tambahan yang saya ingin bertanya daripada penjelasan yang telah dibuat tadi iaitu pertama, berkenaan dengan – okey, kita mula berkenaan dengan konsep sukarela. Dalam fasa kedua, dia berlebih konsep kepada sukarela, bukan kerahan, betul ya? Jadi, maksudnya sukarela itu dia memerlukan *buy-in* daripada kalangan ibu bapa, rakyat, pelajar itu sendirilah sebab – maknanya untuk memastikan mereka ini ada minat yang kuat untuk bersama-sama dalam itu. Jadi, bagaimana cara kita untuk dapatkan *buy-in*?

Yang kedua ialah berkenaan dengan latihan yang kita buat ini iaitu sudah tentunya ada dipanggil modulnya, telah disebutkan tadi. Tetapi adakah ada pengkhususan yang dibuat? Kerana dalam mana-mana kalangan pelajar ataupun belia ini, mereka ada minat ataupun keupayaan tertentu. Mungkin dia ada minat dari segi buat *data analysis*. Mungkin dari segi fizikal. Mungkin dari segi lain-lain. Apakah kita ada program pengkhususan yang kita boleh buat untuk pastikan mereka ini dapat dimanfaatkan dalam konteks *expertise – area of expertise* mereka.

Seterusnya ialah berkenaan dengan kaedah kita untuk memilih kerana ini adalah kerahan pilihan. Jadi, bukan semuanya yang akan terpilih untuk masuk dalam fasa latihan asas. Bagaimana kita buat pilihan mereka ini? Apakah kriteria pilihan? Yang ketiga ialah siapa yang akan memilih? Seterusnya saya rasa ialah lebih

---

berkenaan dengan persediaan untuk sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Kita tidak mahu berlaku tapi kita tidak mahu ianya tidak ada pula satu persediaan. Maksudnya berlakunya insiden yang macam dulu-dulu pernah berlaku. Ada – saya tak pasti ada kematiankah tidak, ada dari segi kemalangan dan sebagainya. Jadi, mungkin perkara ini teknikal sedikit tetapi mesti ada pendekatan (*approach*) kita untuk memastikan perkara itu dibuat persediaan daripada awal. Ada maknanya *checks and balances* yang kita boleh lakukan untuk program ini.

Terakhir ialah berkenaan dengan tempoh latihan itu. Sebab tadi Mejar Jeneral sebut bahawa ianya 45 hari. Cuma dia – umur ini daripada 16 sehingga 35 tahun. Jadi, tempoh itu 45 hari tetapi yang tempoh 16 itu, 35 tahun itu, dia sampai umur 35 ataupun dia sampai bila-bila dia akan terus ada dianggap sebagai Anggota Khidmat Negara tadi itu, Angkatan Khidmat Negara dan boleh dipanggil untuk membantu dalam tempoh-tempoh yang lanjutan daripada itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi YB lain nak tanya? Mungkin – saya ingat bolehkah tanya?

**Tuan Lim Lip Eng:** Terima kasih Datuk Pengerusi dan Dato', tuan-tuan, puan-puan. PLKN ini dilulus pada tahun 2021. Tetapi saya baca satu berita pada Ogos yang lalu yang mengatakan PLKN – *I think 2.0*, telah menyebabkan seramai 61 pengusaha bankrap dan yang lain tengah menghadapi tindakan mahkamah bankrap sebab mereka tak mampu bayar hutang bank selepas melabur dalam kemkah atau perkakasan PLKN. Yang ini yang dah berlalu. Soalan saya macam mana nak mengelakkan perkara yang sama berlaku pada PLKN 3.0 ini? Sama ada kerajaan akan bagi bank *guarantee*-kah atau bagi bayaran pendahuluan kepada pengusaha-pengusaha. Yang ini soalan saya. Terima kasih, ya.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya tanya dulukah atau dia jawab dahulu?

**Tuan Pengerusi:** Kalau ada yang bertanya nanti dia jawab sekali pun boleh juga. Tapi kalau nak jawab – Mejar mahu, jawab boleh juga sekali. Dia ada dua soalan ini.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]. Saya jawab dululah.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Pergi dekat slaid nombor 16. Terima kasih, Yang Berhormat. Yang pertama sekali berkenaan konsep sukarela ini, Yang Berhormat nyatakan itu adalah pada fasa latihan khusus iaitu sukarela itu.

---

---

**■1150**

Maknanya, kita tidak – ataupun tidak membuat kerahan di situ. Sebenarnya, pada waktu ini ialah latihan ini sebenarnya telah dilaksanakan oleh kebanyakan agensi-agensi dan dia – kita buat secara sukarela sahaja. Contohnya, kalau sekiranya mereka nak melaksanakan latihan ataupun masuk kepada RELA contohnya. So, dia ada latihan lanjutan di situ iaitu sewaktu di latihan itu di Melaka tetapi bila jadi RELA ni, dia akan masuk dalam RELA punya, sukarelawan RELA. So, cuma latihan lanjutannya di situ.

Sebab itu kalau kita tengok dalam – *next*. Cuba kita tengok slaid sebelah – yang satu lagi. Kalau kita tengok daripada sini, maknanya daripada SPM itu, kalau dia masuk, dia tak berpeluang nak masuk ke latihan asas, dia terus boleh masuk ke latihan khusus. Contohnya, macam Askar Wataniah, RELA kerana dia dah ada latihan khusus dia. Jadi, dalam latihan khusus ini, dia ada juga modul asas Khidmat Negara di situ. Cumanya, dia tidak – fasal dia pun macam RELA ni semua dia melalui latihan kawad, latihan apa semua sekalilah dia punya itu.

So, cumanya kita tidak paksa di situ dia punya ini. Tetapi kalau dia nak masuk Askar Wataniah, dia masuk RELA, dia masuk Polis Bantuankah apa semua sekali, memang dia akan automatik dia akan terus pergi kepada angkatan tetap ataupun Askar Wataniah. Dia punya ini ya. Ini berkenaan dengan konsep sukarela itu pada latihan khusus sebab kebanyakan yang dilaksanakan di luar negara pun kebanyakan latihan lanjutan ini kecuali Singapore dan juga ini ya, dia pun sukarela. So, kita mencadangkan untuk latihan di sini dan juga sukarela. Kita tidak paksa tetapi latihan yang asas ini memang kita kerahan secara terpilih.

Untuk program pengkhususan kepada belia yang mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu, waktu ini kita juga – semasa latihan khusus ini juga boleh dipertimbangkan untuk latihan-latihan itu, Yang Berhormat. Masa latihan asas, memang ketenteraan dengan latihan kenegaraan sahaja. So, kepakaran-kepakaran mereka apabila kita dah tengok dia punya ini, kita akan *channel*-kan ataupun salurkan dia kepada latihan khusus. Katakanlah contohnya, dia mempunyai kepakaran untuk menjadi seorang sukarelawan dalam IT-kah apa benda sekali. So, dia boleh dihantar untuk menyertai kursus latihan IT, dia punya itu Yang Berhormat.

Kaedah memilih, saya minta saya punya pembantu ini untuk – sebab dia mempunyai pengalaman 1.0 dulu itu.

**Pn. Manorancitham a/p Rathnam [Pengarah Kajian Polisi Malaysian Institute of Defence And Security (MiDAS)]:** Yang Berhormat, kriteria pemilihan pelatih PLKN ini kita cadangkan seperti PLKN 1.0, di mana kita akan mendapatkan

---

nama daripada Jabatan Pendaftaran Negara yang lahir pada tahun tersebut. Maksudnya, katakan tahun tersebut dia berumur 17 tahun, kita akan dapatkan senarai nama daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Kita pada masa tu, kita ada buat semakan dengan Kementerian Pendidikan nak tahu berapa peratus yang belajar dan juga kita akan hantar juga senarai nama ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengenal pasti remaja yang OKU supaya kita keluarkan daripada senarai tersebut.

Kriteria pemilihan tersebut pada masa tu kita mengikut kaum. Kita dapatkan mengikut bancian. Katakan pada masa itu Bumiputera 60 peratus, kaum Cina 28 peratus, India sebanyak 10 peratus, lain-lain dua peratus dan lelaki sebanyak 55 peratus dan perempuan sebanyak 45 peratus. Yang itu mengikut pada masa itu. Kalau kata sekarang jumlah mengikut kaum dah berubah, kita akan mengikut semasa punya ini.

So, selepas tu kita ada sistem, kita akan masukkan semua nama dan dia akan – sistem itu akan *run* dan senarai yang terakhir itu kita akan dapat. So, dia tak adalah kita buat ada *bias*, maksudnya sistem itu yang akan memilih senarai nama untuk menjalani PLKN.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Tetapi kita juga...

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Yang latihan asas tadi itu, yang saudara cakap tadi itu, yang daripada – ambil daripada pendaftaran apa semua itu *kan*? Jadi, dia wajibkah ataupun *volunteer*?

**Pn. Manorancitham a/p Rathnam:** Mereka yang terpilih mengikut sistem itu dia adalah wajib di bawah Akta Latihan Khidmat Negara. Sekiranya terdapat kekosongan, kita akan menerima sukarela yang ingin memasuki PLKN.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Maknanya menepati sasaranlah kalau macam itu.

**Seorang ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ya.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Kalau kita tak wajib, kita *volunteer*. Tak tepatlah sasaran kita.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Yang Berhormat, berkenaan dengan persediaan perkara-perkara yang tidak diingini Yang Berhormat, kami juga mengambil iktibar daripada yang lepas-lepas juga. Dalam ini kami juga melakukan perkara yang sama untuk meneliti betul-betul supaya perkara-perkara yang ataupun kecuai-an-kecuai-an yang tidak sepatutnya berlaku, kerana dia berlaku – kerana kali ini di dalam kem tentera. Jadi, anggota tentera begitu – kita terapkan supaya dia memang betul-betul menjaga aspek keselamatan ini Yang Berhormat.

---

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** Terima kasih. Saya sebutkan ini sebab saya percaya ini akan dibangkitkan.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Ya.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** Pada masa akan datang, yang mana kita nak kena ada proses dan ketelusan supaya perkara ini dijelas lebih awal sebelum dibangkitkan.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Untuk tempoh latihan, sekiranya dia 17 sampai ke 35 tahun, katakanlah dia terlepas 17 tahun, katakanlah dia berumur 30 tahun, dia still kena pergi latihan asas. Selagi dia tak berumur 35 tahun, dia kena pegi latihan asas. Tetapi sekiranya dia pada waktu itu dia menjadi sukarelawan, telah menjadi sukarelawan, telah menjadi apa dan dalam itu juga, dia hantar pergi kursus. So, dia akan pergi ke kursus khusus.

Jadi sampai kursus khusus tu, dia akan juga boleh dilantik sebab dalam situ juga ada latihan asas itu tadi dan dia boleh dilantik untuk menjadi Angkatan Khidmat Negara. Maknanya dia macam kalau kita ini ke bawah, tajaan itu balik, kursus itu balik dia akan masuk balik ke sistem tu. So, *basically* semua orang sebenarnya kita cuba untuk melalui proses ini. Cumanya, dia tak melalui daripada – kalau latihan asas di kem-kem tentera, dia juga boleh melalui di pusat-pusat latihan awam.

Untuk Yang Berhormat yang berkenaan dengan pengusaha bankrap ini sebenarnya benda ini masih dalam kes mahkamah. Jadi, MINDEF masih lagi berurusan dengan mereka ini. Tetapi untuk *next* ini kami tak buat di kem-kem swasta, Yang Berhormat. Kita hanya buat di dalam kem-kem tentera yang mana milik kerajaan dan tidak ada penyewaan. Cumanya kita memerlukan sedikit penambahbaikan, peningkatan tertentu. Jadi, bila berada dalam kem-kem tentera ini, kita mengharapkan semangat ketenteraan itu adalah dalam situ ya, Yang Berhormat. Kita tidak ada menggunakan langsung kem swasta.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** Ada satu tadi, bagaimana pemilihan? Siapa yang memilih dalam ada majliskah atau ada jawatankuasa?

**Pn. Manorancitham a/p Rathnam:** Sebelum kita bawa kepada ini, selalunya kita akan hantar ke Istana Negara untuk perkenan Agong. Selepas itu kita akan bawa ke Majlis Latihan Khidmat Negara yang dianggotai oleh wakil kaum, wakil kerajaan. Selepas mendapat perkenan itu, baru kita akan buat sistem.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

---

---

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** Yang Berhormat Ketereh tanya, bagi pihak [*Ketawa*]. Siapa duduk dalam majlis latihan itu Pengerusi?

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Akan dipilih. Belum dipilih lagi kerana dia ada dua yang saya katakan tadi. Pertama kita kena tubuhkan JLKN dulu. Dalam JLKN tu barulah kita menubuhkan Majlis Latihan Khidmat Negara.

#### ■1200

Kalau puan yang ini tindakan – tengok pada pelan tindakan itu, pada *last* sekali. [*Merujuk kepada slaid pembentangan*] Lagi, lagi. *Next, next, next*. Ini dia punya ini. Pelan Tindakan 04 itu adalah menubuhkan Majlis Latihan Khidmat Negara. Tetapi sebelum itu kita kena ada juga Jabatan Latihan Khidmat Negara dulu. Ini yang akan melaksanakannya. Sebenarnya, setelah Majlis Latihan Khidmat Negara ini beri arahan kepada JLKN, JLKN sebenarnya yang akan membuat dia punya urusan segalanya – pentadbiran.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tuan Yang Berbahagia Mejar, ada sedikitlah soalan dari saya sendiri. Dia punya *target group* ini dalam setahun berapa jumlah peserta yang akan terlibat? Adakah jumlahnya masih sama tiap tahun *intake*-nya dengan PLKN 1.0 ataupun berkurangan? Berapa peratusan wanita dan juga lelaki? Ketiganya ialah sama ada kalau sudah terpilih mana-mana sebagai peserta itu, bolehkah mereka itu menolak atas dasar mungkin di antara mereka ini ada yang sudah pergi ke sekolah di luar negara? Mungkin pergi Taiwan, pergi Australia. Tak pun mungkin sudah bekerja di tempat-tempat lain. Bagaimana?

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Yang Berhormat, saya jawab dulu yang *last* sekali. Kalau dia berada ataupun dia menolak disebabkan oleh mereka dapat pelajaran ke luar negara ataupun apa nama ini, so kita juga menggunakan konsep sewaktu PLKN 1.0, “dalam penangguhan”. Dalam akta latihan ini dia ada kalau dia minta penangguhan macam mana dia punya apa itu.. Memang ada dia punya pensyaratan-pensyaratan tertentu untuk buat penangguhan. Tetapi dia tetap akan juga melalui apabila dia balik nanti kecualilah dia menyertai latihan asas ketenteraan seperti macam PALAPES di universiti-universiti. Sekarang ada PALAPES – yang itu. Fasal dia memang dia lagi lama, tiga tahun. Dia juga meliputi malah melebihi daripada 45 hari yang modul yang kita laksanakan. So, saya rasa adalah sesuai untuk mereka kalau yang berada di universiti itu beradalah, mengambillah PALAPES ini.

Apa lagi tadi...

**Tuan Pengerusi:** Jumlah.

---

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Bilangan peserta Yang Berhormat. Bilangan peserta ini – patah balik sekejap yang dekat ini. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Memang ada sedikit berkurangan daripada jumlah PLKN 1.0 dan 2.0.

Kalau kita tengok dekat sini Yang Berhormat, pada tahun pertama itu kita mungkin hanya boleh dapat 2,633 – ini untuk Askar Wataniah saja, satu siri. Satu siri itu 2,633, fasal kapasiti kem itu sebenarnya dan juga nanti belum lagi PULAPOL. PULAPOL pun kita kena tengok juga kerana jika sekiranya mereka ada latihan untuk asas konstabel, so ataupun kursus mereka ini jadi kita pun juga akan itu.

Tetapi bila kita buat penyelenggaraan kem, tambah baik apa ini – ini, ini, dia akan meningkat satu persatu sehinggalah kita hendak capai dalam satu siri itu 5,900. Dalam satu siri. Memang nampak ada sikit kekurangan. Sebab itu, kita mencadangkan supaya kita iktiraf PALAPES, Kesatria ini sebagai sebahagian daripada pusat latihan ini. So, jadi mereka dah ada latihan itu dan mereka boleh *join* latihan khusus ataupun dia telah menjadi sukarelawan dia dapat kursus-kursus dalam latihan khusus.

**Tuan Pengerusi:** Kalau kombinasi semua yang ada; Wataniah, PALAPES dan semuanya berapa jumlah agak-agak itu semua tempat latihan tahun yang pertama?

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Yang PALAPES kita tidak kira lagi waktu hendak ini tetapi Menteri Pertahanan mohon untuk ataupun menyatakan supaya lebih kurang dalam 10,000 dalam setahun. *No, no.* Bukan – 10,000 dalam satu tahun? *[Merujuk kepada pegawai]*

**Tuan Pengerusi:** 10,000 dalam setahun.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Ya. Maknanya begitulah. 10,000 –10,000 lebih.

**Tuan Pengerusi:** Mungkin tidak salah mahu tanya Kementerian Pendidikan berapa jumlah Tingkatan 4 seluruh negara?

**Tuan Zainuren bin Haji Mohd Nor [Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, setahun satu *cohort* dalam 400,000. Sekali mengambil SPM itu 400,000.

**Tuan Pengerusi:** Oh. So, jumlah yang ada ini 10,000 hanya sedikit.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Sebab itu Yang Berhormat kita cadangkan yang masuk universiti, yang masuk apa itu ditambah. Kalau dia masuk maknanya masuk universiti ataupun PALAPES itu dikira, dia

---

jumlahnya akan melebihi lagi. Mungkin... *[Tidak jelas]* – lebih kurang dalam 17,000 ke 20,000.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Tiga, Yang Berhormat.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Setahun tiga kali.

**Tuan Pengerusi:** Setahun tiga kali. *So, around 30-over thousand.*

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Saya...

**Tuan Pengerusi:** *So, peratusan wanita berapa? Lelaki dan perempuan berapa jumlah?*

**Puan Manoranchitham a/p Rathnam:** Kalau dulu kita peratus lelaki 55 peratus, perempuan 45 peratus.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *Huih, hampir sama. Tidak banyak perempuan sekarang ini? [Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia ikut banciaan.

**Tuan Pengerusi:** Saya ada terbaca dalam cadangan yang pertama itu dia cuma cadangkan supaya penglibatan lelaki saja. Tetapi ini mungkin ada perubahan.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Waktu – kami juga melihat daripada segi *facilities* dalam kem kerana *facilities* dalam kem ini kebanyakannya lelaki. Jadi, kalau ada wanita sebab Menteri Pertahanan minta saya untuk betul-betul buat dia punya *facilities* untuk perempuan dan lelaki. Jadi, supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. *So, kapasiti itu kita tetap buat begitu. Jadi, maknanya ada lelaki dan ada juga perempuan tetapi jumlahnya itu 55-45.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you.*

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Saya ada satu soalan.

**Tuan Pengerusi:** Banyak pun boleh Dato'.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Ketawa]* Okey. Lanjutan daripada soalan daripada Ledang kepada Menteri Pertahanan itu hari, saya juga ada mencelahlah berkenaan dengan latihan asas itu. Kalau kita tengok latihan asas tadi itu, kebanyakannya adalah latihan ketenteraan. Jadi, saya masa itu saya minta Menteri Pertahanan untuk *consider* veteran-veteran yang berkelayakan. Ada veteran yang tidak layak pun ada. Yang berkelayakan diberi keutamaan untuk menjadi jurulatih kerana untuk membantu mereka untuk kerjaya kedua. Fasal mereka ini rata-rata

---

---

pencen dalam usia 38 tahun ke 40 tahun, muda lagi. Anak pun kecil lagi. Jadi, maknanya kita bagi peluang dekat dialah. Jadi, itu satu. Saya minta dipertimbangkan.

Keduanya, kalau kita tengok 1.0 dengan 2.0 ini dulu, dia ada Jabatan PLKN, *kan?* PLKN yang mana Ketua Pengarahnya adalah awam. Jadi, memandangkan kepada kita buat ini dalam kem, jadi saya mencadangkan di sini kalau boleh ketua itu daripada tentera. Sebab apa? Senang untuk *monitor* keluar masuk apa semua di tempat-tempat kem tadilah. Itu saja daripada saya.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Terima kasih Yang Berhormat. Macam saya jawab siap siagaan masa Yang Berhormat tanya dekat jadi ini lah, jadi AKS Risik dululah.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Ketawa]*

#### ■1210

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Untuk veteran kami memang ada rancangan untuk mengambil jurulatih-jurulatih dari kalangan veteran. Ada sebahagiannya pun kami dah jumpa dan ada juga yang Persatuan Jurulatih PLKN yang memang veteran, memang veteran. So, pertimbangan itu memang ada dalam situ. Walaupun dia tergantung, nanti esok apabila perjawatan diluluskan oleh kerajaan – tetapi *insya-Allah*, kebanyakan jurulatih itu adalah jurulatih bekas tentera kerana yang tentera ini dia selain daripada dia menjaga PLKN ini, dia juga ada jurulatih-jurulatih untuk Askar Wataniah yang lain.

Dia juga mempunyai tiga siri latihan yang perlu dibuat, latihan asas, latihan ini. Di akhirnya itu latihan kem tahunan, selama sebulan dalam kem itu. Jadi, itu sebab kenapa kita hanya buat tiga walaupun dia 45 hari dan 45 hari tetapi juga dalam kem itu ada Askar Wataniah yang boleh guna. Jadi, memang Yang Berhormat kita prihatin benar berkenaan perkara itu. Bukan itu sahaja, jurulatih juga, polis dan juga bekas polis.

*And then*, untuk Ketua Pengarah JLKN ini kita tengok dia punya ini Yang Berhormat kerana dia ada dua; satu itu adalah di jabatan dan satu lagi di dalam kem. Di dalam kem memang tentera yang akan mengetuai benda itu. Cumanya di JLKN ini dia ada *combine*, ada dua entiti dekat situ, awam dan juga tentera. Kalau Yang Berhormat dapat menolong saya bawa Ketua Pengarah JLKN ini datang daripada kalangan pegawai-pegawai kanan tentera, kami dengan hati terbuka. *[Ketawa]*

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Apa ini masih dekat Zetro lagi pejabatnya?

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Pejabatnya tak ada lagi. Yang Berhormat, sekarang ini kita tak ada langsung dah, Yang Berhormat.

---

---

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *Oh, I see.*

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Jabatan itu semua dah tak ada dah.

**Seorang Ahli:** Sudah dimansuh 2018, Januari.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Dia *last* sekali Dato' Asri *kan*, yang jadi ini?

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Dato' Asri, ya betul. Dato' Asri yang *last* sekali. Sekarang ini pun kebanyakan data pun dah tak ada, perjawatan pun tak ada, semua tak ada. Yang Berhormat, saya ini macam yang buat daripada *zero*. *[Ketawa]*

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Ya Dato'?

**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada soalan lagi.

**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali:** Terima kasih Datuk Pengerusi ya. Saya beginilah ya, Khidmat Negara ini nasib dia sama macam GST. Sama. Sebabnya sekarang ini kita kena *start from zero*, Jabatan Khidmat Negara *you* kena ada, perjawatan kena semua balik *from zero*-lah *you* kena *start* balik. Itu saya kata nasib sama macam GST. Kalau nak laksana, sekarang kita SST, nak laksana balik GST sama balik kita kena buat kosong. Tak apalah, ini perubahan dasar. So, kita terimalah.

Cuma yang saya nak sentuh ialah beberapa perkara ya. Yang pertama ialah salah satu sebab Khidmat Negara dimansuhkan dulu termasuk dengan jabatan-jabatan pun tak ada ialah kerana penjimatan kos kerajaan, kerana terlalu tinggi ketika itu ya. Sekarang ini kita syukurlah sebab hasrat kita untuk melahirkan masyarakat dan rakyat yang berguna kepada negara, yang setia kepada negara dan kita nak pupuk juga semangat perpaduan. Jadi, kita terpaksa buat. Orang putih kata, *by hook or by crook* terpaksa buat.

Cuma masalahnya bilangan yang kita boleh keluarkan sekarang ini lebih kecil daripada 1.0 ataupun 2.0 sebabnya kita kendalikan perkara ini di bawah kemudahan-kemudahan apa yang kerajaan ada, tak kiralah bawah Kem Wataniahkah, belia dan sukan dan sebagainya itu ya. Jadi, penjimatan kos dari segi itu sahaja ya, tetapi dari segi makan minum, latihan itu masih ada kos dan saya tak tahulah macam mana cara nak itu.

Yang pertama, saya nak *confirm*-kan balik ialah dari segi perjawatan ini. Jawatan Ketua Pengarahkah apa itu, tak apa saya setujuh tentera itu tak ada masalah, dia bukan masalah tentera itu. Masalahnya adalah adakah kita nak guna

---

---

perjawatan lama yang kita *absorb* sebagaimana kita laksanakan dalam kita pernah buat AIROD dan sebagainya dulu, satu kaedah, ataupun *totally* baru. *Totally* baru ini maksudnya kita perlu juga perjawatan-perjawatan baru untuk pengisian.

Kalau kita *absorb* buat secara pentadbiran dan kita tubuhkan jabatan ini dengan menggunakan apa perjawatan yang ada, dia akan jimatkan kos. Kalau tidak, dia tidak menjimatkan kos dari segi – sebab ini besar Khidmat Negara ini, peruntukan yang nak kita gunakan walaupun buat di tempat percuma. Kira kita istilah percumalah, sebenarnya tak percuma juga, ada sedikit kos tetapi lebih rendah kosnya kita buat di kem daripada kita buat dia dengan swasta. Itu yang pertama. Jadi, saya haraplah kalau nak itu terpulanglah sebab dari segi kos itu kalau kita guna perjawatan sedia ada lebih baiklah, itu yang pertama. Ini pandangan ya, pandangan.

Yang keduanya ialah dari segi kita punya modul ya. Kita punya modul, kita memahami bahawa dalam suasana sekarang pun, kita perlu ada *reserve unit* kita yang baik dan *reserve unit* kita yang berkemampuanlah untuk membantu negara seandainya keadaan keselamatan terancam ya. Cuma kita sekarang ini kita – saya tak pasti sebab kita nak buat 45 hari, modul-modul ini yang di negara-negara tertentu dia buat mungkin lebih daripada itu dan mungkin modul dia lebih kepada ketenteraan sahaja ya. Jadi, itu yang saya nak ceritakan bahawa apabila kita buat modul ini, kita kena pastikan bahawa dalam keadaan kita dapat melahirkan bilangan yang sedikit pada setiap tahun. Bagi sayalah sampai umur 35 pun *sometimes* – bagi sayalah kalau tanya peribadi, cakap senang, “*Oh, kita boleh sampai 35*”, sebenarnya tak dapat.

Sebab apa kalau SPM sahaja dekat 400,000 setahun, *can you imagine* kita punya ini – saya ingat campur – saya tak tahulah campur-campur habis kalau tiga siri, 10 kali tiga, 30,000 lebih kurangnya? 30,000 setahun. *You* banding dengan 400,000 ini berapa *percent* sahaja dan benda ini *accumulate* dari tahun ke tahun ke tahun. Saya ingat sampai umur 35 pun saya ingat sukar untuk dia nak dapat. Ini logiklah, *common sense*-lah bagi sayalah ya.

Jadi, itu sebab saya katakan modul ini biarlah kita kaji betul-betul modul ini sebab *we tend* apa — kita tak boleh buat *any more mistakes*-lah. *Mistakes* yang lepas, *past is past*. Yang akan datang biar dalam 45 hari itu impak dia begitu baik untuk rakyat kita ini. Jadi, modul itu kena kita buat yang terbaik berpandukan kepada pengalaman-pengalaman negara lain sebab saya ingat jawatankuasa kita pun kena pergi melawat macam mana dia orang buat khidmat negara ini di negara lain ya.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

---

**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali:** Oh dah cadang. Ledang dia lebih ariflah ya. Jadi, maksudnya bukan kita nak beri pandangan-pandangan ini agar kita tak mahu benda kita dah buat, kita tak adakan dia, kita buat balik dan impak dia tak sebagaimana yang kita kehendaki, ya. Jadi, itulah pandangan saya agar modul kita ini biarlah suatu modul yang *simple* tetapi impaknya tinggi. Itu satu.

Yang keduanya, saya pun sedikit sebanyak mengakui bahawa ini bukan soal jantina, ini soalnya negara sekarang, Malaysia pun saya ingat penduduk dari segi jantina perempuan ini melebihi jantina lelaki. Saya memahami apabila nak buat satu benda itu, lelaki dan perempuan ini memang masalah pun. Bukan masalah – ini masalah azali daripada dulu lagi bukan sekarang ini pun. Jadi, ini pun juga merupakan satu perkara dan saya nak cadangkanlah ya, kalau ini keadaan *constraint* kita, ada baiknya kita buat sesuatu itu maksudnya – yalah tetapi taklah mengikut jantina sebenar. Lelaki buat lelaki sahaja. *So, you forget about* kemudahan wanita, ini pandangan saya.

Kalau *you* nak buat satu tempat, satu kemlah, nak pisah lelaki dan wanita, bukan kata tak boleh; boleh, tetapi bermasalah sikitlah ya. Kadang ada yang itu panjat pagar dia panjat, itu ceritalah. Jadi, dari segi ini ada baiknya lelaki, lelaki; wanita, wanita. Cuma masalahnya dia tak dapat satu keharmonianlah, dari segi manusia itu tak dapatlah, tetapi dari segi lain itu mungkin kita boleh capai.

#### ■1220

Sesetengah itu bila ada perempuan baru boleh berlari laju, contoh. Sesetengah perempuan itu ada inspirasi tak boleh panjat pagar, mungkin boleh panjat pagar – latihan tentera. Contoh begitulah. Jadi, benda itu – tapi saya rasa kalau itu cara kita buat bilangan kita ini di suatu, suatu kem itu akan lebih boleh itu. Kata kita muat – kem itu boleh muat dalam kata 400 lelaki, tak ada fikir dah soal perempuan. Ini 400 perempuan, tak ada fikir dah yang lelaki. Jadi, kalau tidak nanti nak sekat sana sekat sini saya ingat matlamat kita takut tak tercapai. Yang itu sajalah. Jadi, itulah beberapa perkara yang saya minta nanti kita fikirkan. *Insyah-Allah* kita dari semasa ke semasa kita akan bagi *feedback* yang positif untuk kita membina dan sama-sama membantu agar Khidmat Negara kali ini tak mengalami nasib yang sama seperti ini. Kalau tidak jadi 4.0, 5.0 pula. Okey, terima kasih sangat.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya nak tengok dari isu mengenai kemudahan asas dan juga keselamatanlah. Kemudahan asas PLKN 1.0 itu *kan* dan banyak aduan saya terima mengenai kemudahan asas

---

seperti bilik mandi, tandas, itu dari semua pelatih perempuan. Mereka perlu tunggu lama *kan* untuk menggunakan bilik air.

Kedua, adalah tambahan kepada YB Ledang tadi, keselamatan iaitu pernah berlaku kes buli dalam kem. Itu kita – apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya ini tidak akan berlaku lagi? Terima kasih.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan juga berkenaan ini. Memang kalau – kami sebenarnya membuat kajian ini juga berkenaan dengan perjawatan ini iaitu menggunakan perjawatan sedia ada dipusingkan. Maknanya dia menggunakan *two head* punya ini, satu perjawatan ini, satu perjawatan ini. Itu pun juga kami mengkaji. Satu kaji lagi ialah kita buat kajian berkenaan dengan perjawatan baharulah dia punya itu. So, kalau kerajaan nak memilih yang setiap orang ada dua tugas yang berbeza ini, kita juga kena tengok dia punya keberkesannya melaksanakan tugaslah. Yang itu memang kami ada buat kajian.

Yang keduanya berkenaan dengan – kita juga sebenarnya ada cadangan. Tiga cadangan iaitu pertama kita nak semuanya lelaki saja dulu. Maknanya 14-14 kem ini termasuk satu di PULAPOL ini, semua lelaki sahaja. Itu satu cadangan. Lepas itu perempuan saja pun ada juga macam itu. Cadangan kedua ialah daripada 14 ini, tujuh lelaki, tujuh perempuan. Maknanya ia ada tujuh kem untuk lelaki, tujuh kem untuk perempuan. Maknanya dia tak akan berjumlah dia punya ini. *And then* yang ketiganya ialah *combine* begitu. Kami kena ini – tapi ketetapan itu masih lagi belum – cadangan telah ada kerana kita juga sedang mempersiapkan *facilities* di dalam kem-kem tersebut. Kerana saya memahami yang berkenaan dengan terutamanya pelatih-pelatih wanita yang akan *complain* berkenaan dengan kemudahan-kemudahan seperti tandas, bilik mandi yang terpaksa berkongsi dengan lelaki.

Memang – oleh kerana ini di dalam kem, tanggungjawab kami lagi bertambah besarlah. Sebenarnya untuk menjaga nama baik negaralah dan kami berusaha untuk tidak akan membenarkan buli-buli ini berlaku. *Thank you.*

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** Yang terakhirlah. Lepas ini saya tak cakap dah. [*Ketawa*]. Saya tengok tadi tentang garis masa. Mejar kata garis masa, *kan*? Kalau ikut garis masa ini maksudnya 2025 belum buat lagi ini. Maknanya akan lancar ini 2026, mungkin? Kalau saya salah betulkanlah, ya? Garis masanya. Maknanya bila sebenarnya PLKN 3.0 ini akan dilaksanakan? Itu soalanlah.

Yang kedua ialah saya rasa input daripada kementerian yang lain ini penting – amat pentinglah terutama Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian

---

Perpaduan, KBS. So, saya juga nak dengar juga tapi mungkin bukan – tak tahulah, masa dah lama tadi. Kalau boleh kita dapat input daripada kementerian yang berkenaan itu, *concern* dia, kebimbangan mereka. Kemudian yang ke – akhir sekali ialah...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Wah, akhir tiga soalan macam ini.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** Ada tiga soalan. Parlimen selalu macam itu. *[Ketawa]*. Dia nak meleret juga. Yang akhir ini ialah cadangan tadilah. Supaya kita ini buat – sebab ada lagi masa untuk kita cari jalan *improve*. So, kajian-kajian di luar boleh dilaksanakan bersama dengan jawatankuasa pilihan khas ini. Kita lihat negara-negara lain. Bagaimana kaedah mereka laksanakan. Memang tadi dah sebut negara-negara itu banyak – saya pun tengok tadi bagus. Sudah ada contoh yang lain. Tetapi melihat sendiri pelaksanaan di sana itu. Itu penting.

Kalau tidak mungkin, kita baca saja tapi kita nak dengar sendiri daripada mereka dan lihat sendiri kursus itu dilaksanakan di negara tersebut supaya kita boleh lihat apa laksanakan di Malaysia. Okey, terima kasih.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Yang Berhormat, yang soalan yang pertama tadi... *[Merujuk kepada pegawai]*

**Puan Manorcitham a/p Rathnam:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*. Tahun pelaksanaan.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Tahun pelaksanaan. Sebenarnya kami kalau boleh nak cepat. Tapi oleh kerana prasarana yang kami perlu laksanakan dan juga bajet yang perlu di-*table*-kan semula, so sebenarnya kalau ikut paling cepat pun pada 2025.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Paling cepat dua tahun lagi.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Dua tahun lagi. Kerana Menteri Pertahanan pun menasihatkan saya supaya laksanakan dulu yang ini supaya bila dia masuk itu tidak ada masalah. So, begitu juga dengan yang di sekolah ini. Kerana kita nak mulakan pada tahun depan, kita kena – Kementerian Pendidikan kena ini. Ada juga cadangan Yang Berhormat, enam jam yang diberikan kepada kami ini sebenarnya tidak mencukupi. Mereka hendakkan yang satu modul. Macam dulu, zaman dulu ada Tata Rakyat. Dia ada satu subjek khas Tata Rakyat tetapi dia tak ada – sivik, tata rakyat, semua macam itulah.

Tapi dalam proses ini kami sebenarnya masih lagi berbincang dengan Kementerian Pendidikan kerana kami juga khuatir. Apabila kita memperkenalkan

---

satu subjek baharu yang lain daripada yang ada sekarang ini, kekhuatiran kami adalah mereka diserang nanti. *[Ketawa]*. Ini baru yang fasal Palestin pun dah kena serang apatah lagi nak buat subjek ini. Saya juga mendapat maklum balas daripada guru-guru yang mengatakan bahawa sekarang ini pun dah terlalu banyak aktiviti yang dia kena buat, yang dia perlu tanggung ataupun perlu laksanakan. Kalau tambah lagi modul-modul itu, mungkin dia akan sedikit membebankan. Walau bagaimanapun, mungkin Kementerian Pendidikan boleh bantu saya dalam hal inilah.

**Tuan Zainuren bin Haji Mohd Nor:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Jadi, tadi slaid yang ke – muka surat 16 tadi. Dia ada sebut tentang pra-PLKN. Ada modul pengenalan tapi sebenarnya modul ini pun kita belum bincang dengan lebih lanjut. Tapi untuk makluman, kita Kementerian Pendidikan bercadang mulai tahun depan kita memang ada Program Pembinaan Karakter kepada pelajar *Form 4, Form 5* sampai *Form 6* termasuklah matrik dan sebagainya.

Jadi, semua pelajar ini akan terlibat. Tapi program ini ialah tiga hari dua malam. Jadi, sebab itu kita bercadang supaya modul pra-PLKN ini kita masukkan sekali dalam itu. Jadi, dia tidak *redundant*. Jadi, dalam itu kita masukkan sekali. Jadi, pelajar-pelajar ini akan mengikuti program itu dalam kokurikulum dia. Untuk makluman, kokurikulum di Kementerian Pendidikan ini untuk pasukan badan beruniform ini kita ada 24 semua sekali. Jadi, setiap pelajar dia wajib ambil satu. Setiap pelajar dia ambil satu. Satu saja dan satu ini biasanya dia ambil sampai Tingkatan 5. Sebab itu saya tengok slaid yang nombor 18 tadi. Nombor – okey.

Jadi, sampai Tingkatan 5 saja. Bila lepas Tingkatan 5 itu dia macam ada sesetengahnya tidak bersambung. Jadi, mungkin dalam perbincangan saya dengan pihak tuan nanti kita beri laluan kepada pelajar ini supaya lepas Tingkatan 5 ini dia boleh sambung dia punya badan beruniform inilah. Dia tidak berhenti setakat itu. Jadi, selamat belia-belie kita ini kalau dia masuk dalam badan beruniformlah selepas Tingkatan 5. Jadi, *insya-Allah* perbincangan lanjut kita akan lakukan tapi untuk Program Pembinaan Karakter yang Kementerian Pendidikan ini memang kita buat setiap tahun dan tahun depan ini kita bercadang untuk wajibkan kepada semua Tingkatan 4 ini. Terima kasih.

#### ■1230

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Yang Berhormat, yang berkenaan dengan lawatan ke tempat ataupun ke negara-negara yang mempunyai konsep macam PLKN ini, *insya-Allah* kalau Yang Berhormat hendak ini tetapi... *[Tidak jelas]*. Adakah MINDEF akan menguruskan apa? *[Ketawa]*

---

---

**Seorang ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Sebab dia ada kena memerlukan yang ini – kami boleh berkoordinasilah dengan dia punya itu.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** Cuma satu saja. Kalau kita pergi pilih tempat itu sebab kalau macam Singapore, dia punya *ultimate aim* dia itu nak jadikan *national service*. Kita tak ada, kita setakat latihan asas ini sahaja. Jadi, kalau pilih tempat itu, kena cari tempat yang bersesuaianlah.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Betul, Yang Berhormat. Cuma betullah, macam Singapore itu latihan asas ketenteraan dia sembilan minggu tetapi dia ada program selepas daripada itu. Dia setiap beberapa tahun, dia kena *training* lagi.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya. *Every year*.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** *Every year* dia kena ini...

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...bulan November.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Setiap minggu atau setiap ini dia akan berjumpa lebih kurang dalam dua minggu untuk buat *training*. *Refresh* punya *training*. Itu di Singapura. Pasal dia menggunakan itulah. Kalau – macam di negara Brunei, dia memang kesukarelawanan tetapi bukan tentera dia. Dia pakai pakaian macam PLKN kita. Dia juga meniru kita punya konsep dulu, tetapi dia kekal sampai sekarang. Kita saja sampai dua kalilah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi mahu tanya sikit ini Mejar. Tentang pelaksanaan PLKN 1.0 dan 2.0 dulu, apa kesannya pada mereka yang sudah menyertai program itu? Sama ada mereka selepas sudah menyertai program itu tidak ada *feedback* apa yang berlaku selepas itu ataupun kajian pernah dibuat sama ada sasaran atau tujuan kepada PLKN itu mencapai *target*-nya.

Contohnya ada semangat kecintaan kepada negara, kita ada semangat perpaduan kita lebih baik di kalangan semua suku bangsa dalam negara kita ataupun lepas program tidak ada perkhawaran. Sebab kita masih menggunakan saya tengok konsep yang mahu dicapai itu masih ada di dalam program ini. Kalaulah kita mengadakan program itu tetapi tidak ada kesan kepada apa yang kita tujuangkan untuk program itu, sia-sialah.

---

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya, kami juga merujuk kepada hasil-hasil kajian yang lepas – tengok yang ketiga itu ya, slaid yang depan sekali. *[Merujuk kepada urus setia]*

So, salah satu daripada hasil kajian ini – *no, no. Next* – iaitu kajian berkenaan dengan *Penghayatan Semangat Patriotisme Belia Malaysia: Kajian Ke Atas PLKN* oleh Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sultan Idris. Jadi, dalam dapatan mereka iaitu sebelum PLKN, mereka mengatakan bahawa cintakan negara ini *73 per cent* ataupun *73 peratus* tetapi selepas itu, selepas PLKN itu, *91 peratus*. *And then*, setia negara *69 peratus* sebelum, *83 peratus* selepas. Juga bangga negara *70 peratus* jadi *78*, rela berkorban *79* kepada *98*. So, memang ada perkembangan positif dari aspek semangat patriotisme.

Hasil kajian kedua iaitu *Kajian Nilai Impak Patriotisme Bekas Pelatih Program Latihan Khidmat Negara Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia* oleh Jabatan Khidmat Negara dan juga UNIMAP pada tahun 2013 iaitu... *[Tidak jelas]*. Kita dapati bahawa daripada hasil kajian itu, mendapati mereka ini memang ada – skor min dia atau keberkesanan amat tinggi iaitu julat minimum tujuh hingga kelapan itu. Maknanya, pada pertengahan julat itulah mereka berada. Maknanya memang berkesan. Ini di utara Semenanjung ya, yang dibuat oleh UNIMAP dan juga JLKN.

Indeks Belia Negara oleh IYRES, dia juga menyatakan tentang kegusarannya iaitu berkenaan *domain* belia dan juga lima indikatornya dan kita tengok dia punya ini juga ada peningkatan. Sebenarnya slaid ini ada tetapi tak ada dalam yang sini. Jadi, saya sebut sahaja ya.

Hasil kajian keempat iaitu *Penilaian Program Latihan Khidmat Negara Dari Perspektif Pelatih* oleh Universiti Malaya. So, juga hasil kajiannya aspek PLKN perlu ditambah baik ialah memastikan pelatih tidak didiskriminasi mengikut kaum. Masalah ini boleh diatasi sekiranya lebih banyak aktiviti bersifat muhibah dijalankan. So, dia lebih kepada isu penambahbaikan sahaja dia punya ini. Pada dasarnya yang lain, aspek positif yang banyak ditimbulkan.

So, kalau kita tengok daripada – kesimpulan daripada hasil kajian kesemua tu, hasil kajian impak pelaksanaan ini telah mempengaruhi aspek pemantapan jati diri yang cemerlang dan ianya dapat dipraktikkan dengan membina identiti atau warganegara yang berguna pada masa akan datang. Memang kita tengok daripada situ iaitu dari segi kenegaraan, fizikal, pembangunan karakter, khidmat komuniti dan dia menyemarakkan semangat patriotisme, Yang Berhormat. So, itu yang saya dapat angkat maklum, Yang Berhormat.

---

**Tuan Pengerusi:** Itu ada dalam sebahagian *report* yang ini atau tidak? Yang dibagi tahu tadi? Yang secara hitam putih itu? Ada di dalam ini semua? Menurut kajian yang dibuat.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...ini kajian kami.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa kalau ada kajian itu lebih baik disertakan bersama supaya ianya menguatkan asas-asas kita untuk mahu meneruskan suatu program itu. Itu sangat penting. Di dalam kita meneliti ini, kita harap bahawa semua perkara yang positif yang telah dinyatakan oleh beberapa institusi itu perlu dinyatakan bersama dalam laporan nanti sebab kita kena bagi laporan kepada Parlimen. Ini sangat penting supaya Ahli-ahli Parlimen tahu keadaan yang sebenar. Nanti kadang-kadang mereka pun bertanya, dia ni ada impak yang positif atau tidak. Jadi, itu salah satu yang saya ingat perlu dimasukkanlah.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...itu penting.

**Tuan Pengerusi:** Penting dan juga memang pada saya, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat ada setuju atau tidak sekiranya PLKN dilaksanakan? PLKN?

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya setuju.

**Tuan Pengerusi:** Semua setuju *kan*? Semua wakil-wakil kementerian setuju atau tidak?

**Beberapa ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Adakah yang membantah wakil kementerian? Habis kita bagi laporan ini, kalau boleh sebulat suara tidak ada yang membantah ini. Semua setuju? Jadi, saya rasa memang ini perlu diteruskan sebenarnya. Secara peribadi, dulu saya lepas sekolah sahaja tak tahu pergi ke mana masa Tingkatan 5. Ada kena pergi angkat batulah, macam-macamlah. Ya, boleh, boleh. Ya Datuk.

**Datuk Seri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali:** Saya ada satu terlintaslah sedikit idea ya, sedikit idea. Begini. Kita nak buat dekat kem, dekat kemudahan-kemudahan kerajaan lain tetapi saya rasa kita juga boleh fikir untuk kita menambahkan lagi bilangan yang dapat kita keluarkan pada setiap tahun iaitu kita ada kemudahan penggunaan di bawah Kementerian Pendidikan iaitu kita ada sekolah-sekolah asrama penuh. Musim cuti, dia ada musim cuti dia. Jadi, kalau musim cuti itu dapat kita manfaatkan – sebab dia dah ada hostel, dah ada apa dah ya. Jadi, di situ walaupun jumlahnya tak banyak tetapi kalau kita campurkan dalam Malaysia ini, banyak sekolah asrama penuh ya yang ada...

---

---

**Tuan Pengerusi: Fasiliti.**

**Datuk Seri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali:** ...fasiliti begitu. Cuma, masalah dia satu sajalah. Masalah dia ialah latihan ketenteraan itu, tak adalah di situ. Tetapi kalau *basic* latihan ketenteraan yang contoh peralatan kita boleh pindah ke situ. Itu okey.

**■1240**

Kalau yang terlampau berat, yang hendak masuk bawah terowong, hendak ada kawat duri semua, payahlah. Tetapi itu yang saya kata tadi, berbalik kepada yang saya hendak cerita, dia modul. Tujuan modul ini *it's not too heavy* sangat *on military because at the end of the day* kita bukan hendak dia jadi *military man* tetapi kita hendak dia ada semangat sikit-sikit perjuangan itu.

Jadi, kalau itu kita boleh, kita boleh bayangkan di Malaysia ini – ini fikir luar kotak sikitlah, luar kotak sikit. Kalau satu Malaysia ini kita boleh fikir, sekolah-sekolah yang berasrama penuh ataupun sekolah-sekolah yang ada asrama yang boleh memuatkan peserta di situ, kemungkinan kita boleh buat. Cuma masalah kita satulah, balik kepada perjawatan nanti hendak jurulatih hendak kena ada lebihlah. Itu *for sure*-lah *you* kena ada lebih, orang yang kita hendak latih itu, jurulatih itu sendiri.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]  
Tak apa, veteran ramai.

**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali:** Veteran ramai. Ahli Parlimen Ketereh dia sentiasa perjuangkan hak veteran. Jadi, lebih ramai veteran di situ.

Itu sebab saya katakan kalau kita hendak pergi melawat, hendak pergi menengok ini kita kena pilih negara yang modulnya tak panjang tetapi impaknya lebih. Sebab percayalah bahawa Khidmat Negara tidak boleh melahirkan satu insan yang sepenuh bagaimana kita hendak. Tetapi mesti ada daripada mula; Kementerian Pendidikan, Tingkatan 4 hendak masuk kokurikulum begini-begini, baru akhirnya kita dapat melahirkan insan yang kita kehendaki.

Kalau kita serahkan peranan sepenuh Khidmat Negara untuk melahirkan semua insan yang kita kehendaki, *I don't think* Khidmat Negara boleh mampu buat. Dia mesti pada Kementerian Pendidikan ini, pada sekolah ada masuk mata pelajaran tertentu. Kemudian, bila dia ambil SPM dia masuk Khidmat Negara, masuk universiti dan sebagainya. Jadi, ini yang akan membina. Jadi, saya cadangkan kalau hendak ini, ini tidak ada masalah sangat. Parlimen boleh inikan untuk yang itu.

---

Cuma, saya hendak nyatakan kita kena cari – tak payahlah pergi Amerika, Amerika dia cara dia berbeza. Kita hendak yang ada sedikit sebanyak – ada sedikit sebanyak budaya timur ini tetapi kita nampak impak dia berkesan. Jadi, itulah saya sarankan kalau boleh kita belum laksana, biarlah modul kita itu kali ini kita buatlah modul yang terbaik dan modul inilah juga nanti dengan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan sebagainya dapat kita melahirkan apa yang kita kehendakilah. Jadi, taklah akan berlaku esok kita ini jadi 4.0, 5.0. Itu sejujurnyalah pandangan ya. Okey, terima kasih.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan semua sekali. Kami akan hendak berusaha untuk memenuhi ataupun mengambil kira pandangan itu semua sekali.

Cuma satu Yang Berhormat, daripada kami ini, kami mohon sokongan ataupun ketetapan untuk peningkatan taraf kem-kem ini diberi sokongan supaya kami dapat melaksanakannya dengan sempurna dan memang mentiadakanlah kalau boleh risiko-risiko, kalau bolehlah, memang tidak ada risiko langsunglah maknanya ini kepada pelatih dari segi aspek keselamatan dia punya ini.

Tetapi daripada segi *training*, saya jamin akan *tough* macam tenteralah *kut* tetapi bukan hendak jadi tentera. Tetapi sebahagiannya juga oleh kerana kami juga memerlukan pasukan simpanan di masa hadapan untuk terutamanya dalam Dasar Keselamatan Negara yang mana semua orang ataupun kita punya pertahanan, pertahanan menyeluruh. Maknanya bukan setakat tentera sahaja yang akan ini, orang awam juga akan membantu. So, dalam perkara ini kita juga mengambil kira yang itu, Yang Berhormat. Terima kasih banyak ini. Mungkin ada saya punya...

**Tuan Azhar bin Mohamad Yusof [Setiausaha Bahagian (Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik), Kementerian Pertahanan (MINDEF)]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya merujuk kepada apa yang disebut oleh Dato' Yacob tadi. Kalau kita tengok dalam 16 kem yang dicadangkan untuk dijadikan sebagai pusat latihan PLKN 3.0, daripada 16, tiga yang kalau ikut perancangannya tidak dapat dilaksanakan sebab terlalu uzur. So, cadangan daripada MINDEF adalah untuk menggunakan 13 Kem Wataniah sebagai pusat latihan dan kem-kem tersebut kalau kita tengok dari segi kapasitinya adalah di bawah 500. Ada yang 100, ada yang 200.

So, untuk memastikan kapasiti peserta-peserta PLKN nanti dapat ditingkatkan, so kita di MINDEF sendiri memohon khususnya daripada perakuan daripada jawatankuasa ini untuk memastikan supaya kem-kem tersebut diberi peruntukan untuk dinaik taraf supaya kalau dari segi – kalau kita tengok – kita

---

bimbang bagaimana nanti apabila pelatih-pelatih masuk dia tengok kem-kem ini terlalu uzur, jadi risau juga pelatih-pelatih kita. So, untuk memastikan sebelum pelaksanaan PLKN 3.0 ini, semua kem – 13 kem-kem yang dicadangkan untuk dijadikan sebagai pusat latihan diberi peruntukan untuk dinaik taraf. Okey, itu saja daripada...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih atas penerangan tersebut. Saya rasa jawatankuasa ini memang akan bersetuju supaya dilaksanakan semula ini Program Latihan Khidmat Negara. Dalam pada masa yang sama, saya ingat komen dan pandangan daripada pihak agensi dan pihak kementerian bahawa fasiliti itu perlu dipertingkatkan, kita akan sokong penuh supaya pihak kementerian mengambil tindakan dan langkah-langkah yang segera supaya fasiliti-fasiliti yang ada yang diperlukan itu dapat dibaiki dengan seberapa segera. Jika sekiranya ini dilaksanakan dalam tempoh satu tahun atau dua tahun dari sekarang, maka kita perlukan semua kemudahan itu sudah tersedia.

Jadi, saya ingat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli daripada kita pun, terima kasihlah kepada semua agensi, kementerian yang terlibat, yang telah membuat kajian yang lengkap dan sebagainya untuk meneliti perkara ini sama ada sesuai untuk dilaksanakan semula atau tidak. Ini suatu perkara yang memang sangat penting dan bukan juga boleh dilaksanakan dengan sembarangan. Ia menyangkut masa depan anak-anak muda Malaysia di mana kita membentuk siasah mereka supaya menjadi generasi yang baik untuk negara ini, ada perpaduan yang baik di kalangan kita dan supaya negara ini tidak menjadi tunggang terbalik.

Kalau anak-anak muda sekarang ini banyak main *gadget*. Kalau ini tidak ada kawalan, tidak ada panduan bagi mereka, nanti mereka pun nanti masing-masing dengan jalannya sendiri, negara ini boleh jadi berbagai banyak masalah yang akan timbul. Jadi, saya ingat kalau ada lagi Yang Berhormat lagi mahu tambah? Tiada? Ada lagi? Tidak ada *kan*? Kita sokong penuhlah. Ya, sokong penuh. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir dan semua wakil-wakil daripada kementerian dan terima kasih atas kehadiran dan penjelasan.

**Encik Noor Hisham bin Rosle [Pengarah Bahagian Penyelarasan Strategik, i-LEAD, Kementerian Belia dan Sukan (KBS)]:** Tuan Pengerusi. Minta maaf, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Encik Noor Hisham bin Rosle:** Saya Hisham Rosle dari mewakili KBS-lah. Saya minta maaf ya datang agak lambat tadi. Sebenarnya dulu saya belah sini dengan MINDEF ini. Cuma, tadi ada sikit pasal tentang penggunaan fasiliti awam

---

yang lainlah *kan*. Saya kena *register* di sini yang di konteks KBS i-LEAD, saya *from the context of i-LEAD, department* i-LEAD ini, kami ada kemungkinan tugas baharu nanti. Tetapi saya tidak boleh hendak *reveal* lagi benda itu. Jadi, dia akan kekangan sikit. Kalau bab kenegaraan yang 10 *per cent* itu, saya nampak *the possibility* yang i-LEAD akan *take on* itu agak tinggi.

Jadi, *what i-LEAD can offer is that* i-LEAD boleh bagi tenaga pengajar apa semua ini tetapi di fasiliti yang dah ditetapkan oleh MINDEF tadi. Tetapi i-LEAD tidak mampu *share our facility in this program* sebab i-LEAD ini akan ada *function* yang lain *starting next year* mungkin yang memerlukan *all the camps* yang kita ada sekarang ini.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...ada 356...[Tidak jelas]*

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* i-LEAD ini apa?

**Encik Noor Hisham bin Rosle:** i-LEAD ini Dato', dia bila dimansuhkan PLKN dan BTN dulu, maka i-LEAD ini diwujudkan.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Institut apa?

**Encik Noor Hisham bin Rosle:** Institut Latihan Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan.

## ■1250

*So, to fill in the void* dulu itu, yang masa kita tak ada PLKN apa semua itu memang i-LEAD-lah *been doing that job*. Kita ada program macam *Malaysian Future Leaders School*, sekarang ini kita ada Program Sekolah Rukun Negara.

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada bekas askar kerja situ tak?

**Encik Noor Hisham bin Rosle:** Ada, ada. Tetapi dia baru pencen, baru pencen semula. *[Ketawa]*

**Dato' Khilir bin Mohd Nor:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya Tuan Mejar, tadi ada pandangan daripada YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi berkenaan dengan sekolah asrama itu. Kalau ada jalannya melihat perkara-perkara yang mungkin kalau tidak melibatkan ketenteraan, cuma mungkin dia – penjelasan-penjelasan *kan*, tidak melibatkan tentang latihan yang berat. Mungkin kalau boleh asrama penuh digunakan musim cuti sekolah pun mungkin baik

---

juga, lebih ramai yang boleh dilibatkan. Cuba ambil itulah dalam pertimbangan sama ada sesuai atau tidak. Terima kasih.

**Mejar Jeneral Dato' Haji Yacob bin Haji Samiran:** Kami berusaha, Panglima – eh, apa ini, Yang Berhormat.

*[Ketawa]*

Sebenarnya ada dalam dekat Kementerian Pengajian Tinggi ini, sebenarnya bukan setakat di sekolahlah, maknanya bukan di asrama-asrama penuh tetapi di institut pengajian tinggi ini dia ada 111 sebenarnya. Dia ada dekat politeknik, dekat apa benda semua sekali. Kami juga ada pandangan itu. *Insyallah*, kami akan juga berusaha bersama dengan ini sama ada boleh ataupun tidak boleh. Kerana ada sebahagiannya contohnya macam latihan ketenteraan berbentuk kawad, berbentuk merempuh halangan yang mana dia memerlukan kepimpinan dan juga kerjasama ini, kita tengok fasiliti itu.

Mungkin kalau kelas kenegaraan boleh, dia punya sesuailah. Kita tengok juga perkara itu, Yang Berhormat. So, kami ambil begitu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman:** Minta maaf, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman:** *Just* satu sahaja maklumat tambahan inilah. *Just* untuk makluman, sebab tadi MINDEF maklum bahawa penggunaan kem Askar Wataniah dan PULAPOL, so – dan yang lain-lainlah. Cuma untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk kem PLKN yang sebelum ini sebenarnya Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia telah menyewa sejumlah 17 kem PLKN untuk dijadikan Penjara Satelit dan juga Pusat Reintegrasi Penghuni. Itu untuk makluman sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ertinya semua tidak tersedialah? Sudah digunakan untuk penjara.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Jadi, masih ada yang boleh digunakan?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kali ini mungkin tidak lagi sewa-sewalah *kan*? Bajet pun RM80 hingga RM100 juta, banyak juga *kan*. Tetapi adalah jauh – *maybe* kurang daripada dululah, dulu sampai RM400-500 juta dalam setahun. Dalam tempoh lima tahun, berbilion.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

---

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. Jadi, ada apa-apa lagi dari kementerian? Tiada? Semua sudah? *Bah*, kita punya keputusan begitulah itu bahawa jawatankuasa ini menyokong penuh pelaksanaan semula PLKN 3.0 dan kita minta supaya kerajaan mengambil tindakan yang segera untuk menyediakan fasiliti yang diperlukan itu, dalam kita punya rekomendasilah kepada Parlimen nanti. Jadi, sekian terima kasih tuan-tuan, Dato'-Dato' yang dihormati semua. *Bah*, silakan makanlah siapa yang mahu makan.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.54 tengah hari]***

---